




Laporan Tahunan

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
2014



Kandungan



Visi, Misi, Moto dan Hala Tuju	5
Falsafah Pendidikan dan Objektif	6
Sejarah	7
Canselor	9
Pro-Canselor	11
Lembaga Pengarah Universiti	13
Ahli Eksekutif	14
Senat	15
Carta Organisasi	16
Tinta Naib Canselor	17
Fakta dan Angka	22
2014 Sepintas Lalu	23
Lensa 2014	25
Kecemerlangan Universiti	27
Tadbir Urus Universiti	33
Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan	37
Akademik dan Pengantarabangsaan	47
Penyelidikan, Inovasi, Perundingan dan Penerbitan	67
Pembangunan Holistik Pelajar dan Kemajuan Alumni	85
Pembangunan Fizikal dan Perkembangan Kampus Pagoh	113
Perpustakaan Tunku Tun Aminah	117
Laporan Kewangan	125
Penyata Kewangan	131

VISI

Menuju ke arah universiti bertaraf dunia dalam kejuruteraan, sains dan teknologi untuk pembangunan lestari

MISI

UTHM komited untuk mewujudkan dan menyebarkan pengetahuan bagi memenuhi keperluan industri dan komuniti serta menyuburkan modal insan yang kreatif dan berinovasi berasaskan paradigma tauhid

MOTO

Dengan Hikmah Kita Meneroka

HALA TUJU

Membangun universiti teknologi lestari masa depan

FALSAFAH PENDIDIKAN UNIVERSITI

Pendidikan di Universiti ini adalah usaha berterusan untuk menerajui program akademik yang berorientasikan pasaran dan berfokuskan pelajar menerusi pembelajaran melalui pengalaman untuk menghasilkan sumber manusia terlatih dan profesional sebagai pemangkin ke arah kemajuan negara yang mampan

OBJEKTIF

- Melaksanakan program akademik yang diiktiraf dengan menggunakan kurikulum yang holistik melalui proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan pengalaman
- Melaksanakan penyelidikan tersohor dalam bidang teras universiti serta menjana harta intelek
- Meningkatkan pengantarabangsaan Universiti melalui jalinan kerjasama strategik yang berkesan dengan univerviti dan organisasi luar negara
- Meningkatkan hubungan dan kerjasama Universiti – Industri yang produktif dan lestari
- Mengurus dan membangun sumber manusia yang mencukupi dan berkualiti
- Menyediakan perkhidmatan dan menghasilkan produk yang memenuhi kehendak pelanggan
- Mempromosikan Universiti sebagai pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi
- Menyediakan prasarana dan kemudahan fizikal yang mencukupi selaras dengan budaya keilmuan Universiti



SEJARAH

Sejarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bermula pada 16 September 1993 dengan penubuhan Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP), yang bertujuan melahirkan dan melatih tenaga pengajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang kejuruteraan untuk ditempatkan di politeknik-politeknik seluruh negara.

Bagi memperkasakan lagi peranan institusi ini, PLSP telah dikenali sebagai Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) bermula dari 12 April 1996. Sebagai sebuah Institut, ITTHo telah memperkembangkan program-program akademiknya di samping mempertingkatkan jumlah pengambilan pelajar.

Kabiner Malaysia pada 27 September 2000 telah bersetuju menaiktaraf ITTHO kepada sebuah universiti awam di bawah Akta 30 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dengan dikenali sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO).

Bagi meletakkan institusi ini sebaris dengan universiti-universiti awam lain di negara ini, bermula 1 Februari 2007 KUiTTHO dijenamakan semula dengan dikenali sebagai Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Pada ketika ini, lebih 16 ribu orang pelajar sedang mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang yang ditawarkan oleh lapan buah fakulti sedia ada. Daripada jumlah tersebut, lebih 500 orang daripadanya adalah pelajar-pelajar antarabangsa yang berasal dari lebih 20 buah negara seluruh dunia. Dalam tempoh 22 tahun usia penubuhannya, UTHM telah melahirkan lebih 28 ribu orang graduan yang kini sedang memainkan peranan penting di dalam pembangunan negara dan kemakmuran sejagat, sejajar dengan moto universiti, "Dengan Hikmah Kita Meneroka".



CANSELOR


DULI YANG MAHA MULIA SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN ISKANDAR
Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim





PRO-CANSELOR

DULI YANG AMAT MULIA TUNKU ISMAIL IBNI SULTAN IBRAHIM
Tunku Mahkota Johor





PRO-CANSELOR

YBHG. TAN SRI DR. ALI HAMSA
Ketua Setiausaha Negara



**LEMBAGA
PENGARAH
UNIVERSITI**

PENGERUSI

Tan Sri (Dr.) Ir. Jamilus bin Md Hussin
Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif
KLIA Premier Holdings Sdn. Bhd.

AHLI

Profesor Dato' Dr. Mohd. Noh bin Dalimin
Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Dato' Sri Sufri bin Hj Mohd Zin
Pengerusi Eksekutif
TRC Synergy Berhad

Mejar Jeneral (B) Dato' Md. Ismail bin Ahmad Khan
Pengarah Urusan
TALHIS-K Sdn Bhd

Datuk Dr. Amin bin Senin
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia

Datuk Dr. Pang Chau Leong
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
Kementerian Sumber Manusia

Datuk Hj Mohlis bin Jaafar
Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Politeknik

Profesor Ir. Dr. Haji Abas bin Abdul Wahab
Profesor/Ahli Senat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Encik Zainal Abidin bin Mat Nor
Ketua Seksyen Wang Awam 1
Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan
Kementerian Kewangan Malaysia

Puan Mazula binti Sabudin
Ahli Ganti Kementerian Pendidikan
Pengarah
Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar
Jabatan Pengajian Tinggi,
Kementerian Pendidikan Malaysia,

SETIAUSAHA

Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman
Pendaftar
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



**AHLI
EKSEKUTIF**



PENGERUSI

Profesor Dato' Dr. Mohd. Noh bin Dalimin
Naib Canselor

AHLI

Profesor Dr. Hashim bin Saim
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Profesor Dr. Wahid bin Razzaly
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Profesor Ir. Dr. Amir Hashim bin Mohd Kassim
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman
Pendaftar

Tuan Haji Misro bin Jerut
Bendahari

SENAT

PENGERUSI

Profesor Dato' Dr. Mohd. Noh bin Dalimin
Naib Canselor

AHLI

Profesor. Dr. Hashim bin Saim
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Profesor Dr. Wahid bin Razzaly
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Profesor Ir. Dr. Amir Hashim bin Mohd Kassim
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Profesor Dr. Ahmad Tarmizi bin Abd. Karim
Penolong Naib Canselor (Pembangunan, Pengurusan Fasiliti dan ICT)

Profesor Dato' Dr. Abdul Razak bin Hj. Omar
Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat)

Profesor Dr. Ahmad Shakri bin Mat Seman
Dekan Pusat Pengajian Siswazah

Profesor Madya Dr. Abd Halid bin Abdullah
Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Sekitar

Profesor Emeritus Ir. Dr. Zainal Abidin bin Ahmad
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Profesor Madya Dr Yusri bin Yusof
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan

Profesor Madya Sr. Dr. David Martin @ Daud Juanil
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan

Profesor Madya Dr. Razali bin Hassan
Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Profesor Madya Dr. Nazri Bin Mohd Naw
Dekan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Dr. Mohamad Zaky bin Noh
Menjalankan Tugas Dekan Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan

Profesor Madya Dr. Ishak bin Baba
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Profesor Dr. Ismail Bin Abd. Rahman
Dekan Pusat Pengajian Diploma

Profesor Madya Dr. Azme Bin Khamis
Dekan Pusat Pembangunan dan Latihan Akademik

Profesor Madya Dr. Ahmad bin Esa
Pengarah Pusat Kokurikulum

Profesor Dr. Mohammad Zazar bin Mohamed Jenu
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Profesor Hj. Ayob bin Hj. Johari
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Profesor Ir. Dr. Hj. Abas bin Ab Wahab
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Profesor Dr. Sulaiman bin Hj Hasan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Profesor Ir. Dr. Saparudin bin Ariffin
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Profesor Emeritus Ir. Mohammad Zainal bin Md Yusof
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Profesor Hj. Mohd Imran bin Hj. Ghazali
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Profesor Dr. Hj. Mustafa bin Mat Deris
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Profesor Dr. Rosziati bt Ibrahim
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Profesor Datin Dr. Maryati binti Mohamed
Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan


Tuan Hj. Misro bin Jerut
Bendahari

Encik Bharun Narosid bin Mat Zin
Ketua Pustakawan

SETIAUSAHA

Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman
Pendaftar

CARTA ORGANISASI



TINTA NAIB CANSOLOR




NAIB CANSOLOR

PROFESOR DATO' DR. MOHD. NOH DALIMIN

Naib Canselor

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia





Pertamanya, saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmatNya, UTHM telah berjaya mendepani cabaran dan mencapai kejayaan yang gemilang pada tahun 2014 ini. UTHM terus unggul sebagai sebuah universiti teknikal perdana di negara ini. Kejayaan yang dicapai ini merupakan hasil usaha dan kerjasama semua warga UTHM yang meliputi Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Tertinggi Universiti, Pegawai-Pegawai Kanan dan Pegawai-Pegawai Universiti serta sokongan padu Majlis Perwakilan Pelajar dan mahasiswa-mahasiswi UTHM.

Secara keseluruhannya, pencapaian Indeks Prestasi Utama (KPI) berdasarkan Projek Agenda Kritikal (CAPs) Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang telah dipersetujui oleh UTHM, telah menunjukkan pencapaian prestasi yang sangat memberangsangkan. UTHM berjaya mencapai atau melebihi sasaran bagi 18 KPI yang ditetapkan. KPI yang berjaya dicapai atau melebihi sasaran ini adalah bagi CAP Keusahawanan, CAP Kebolehpasaran Siswazah, CAP Pembangunan Holistik Pelajar, CAP Industri Akademia, CAP Pengantarabangsaan, CAP Program Pemindahan Ilmu, CAP Pembelajaran & Pengajaran, CAP Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), CAP My Brain 15 dan CAP Penyelidikan & Pembangunan.

Keunggulan UTHM sebagai sebuah universiti teknikal di Malaysia telah berjaya dibuktikan apabila pada tahun 2014, UTHM telah berjaya mendapat pengiktirafan lima bintang dalam Audit Quacquarelli Symonds (QS) Star Rating untuk kriteria pengajaran, fasiliti dan inovasi. Bagi skor keseluruhan yang meliputi lapan kriteria yang diaudit iaitu penyelidikan, kebolehpasaran pekerjaan, pengajaran, fasiliti, pengantarabangsaan, inovasi, tarikan (engagement) serta kejuruteraan dan teknologi, UTHM berjaya mendapat status tiga bintang. Untuk rekod, hanya empat IPT di Malaysia yang telah dinilai melalui QS Star Rating ini,

iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).



Y.A.B. Tan Sri Muhyiddin Hj. Mohd Yassin melihat Sijil QS Star Rating yang diterima oleh UTHM

UTHM juga turut gah menempa nama dalam penarafan Webometrics yang dijalankan oleh Cybermetric Lab. Dalam konteks Webometrics, penarafan yang dilakukan adalah mengambil kira bagaimana UTHM dilihat dari sudut dunia siber termasuk aspek laman sesawang yang mudah dikesan (visibility), saiz, bahan, relevan dan bilangan laman web. Bagi tahun 2014 ini, penarafan UTHM terus meningkat apabila berjaya menduduki tempat ke sepuluh daripada 92 buah IPT di Malaysia dan tempat ke 1,731 dunia secara keseluruhan.

Sehingga Disember 2014, UTHM mempunyai seramai 2,205 orang staf yang terdiri daripada 1,012 orang staf akademik dan 1,193 orang staf bukan akademik. Daripada jumlah itu, seramai 124 orang staf UTHM telah dinaikkan pangkat, meliputi staf akademik (49) dan staf bukan akademik (79). Dalam tahun 2014 juga, seramai 54 orang staf UTHM telah berjaya dalam pengajian Ijazah Doktor Falsafah, dan melapor diri untuk terus menyumbang tenaga, kepakaran serta kemahiran demi pembangunan universiti dan negara. Kini, jumlah warga UTHM

yang berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah telah mencapai 380 orang.

Dalam aspek akademik, UTHM pada tahun 2014 telah berjaya menawarkan 90 program pelbagai bidang meliputi peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan juga Ijazah Doktor Falsafah. Program akademik yang ditawarkan dalam peringkat Ijazah Sarjana Muda turut berjaya mendapat pengiktirafan dan akreditasi daripada Engineering Accreditation Council (EAC) dan dari The Chartered Institute of Building (CIOB) yang berpangkalan di United Kingdom. Manakala program di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah turut memperoleh pengiktirafan daripada Malaysian Qualification Agency (MQA). Enrolmen pelajar turut menunjukkan peningkatan apabila pada tahun 2014, seramai 16,110 orang pelajar yang mengikuti pengajian di UTHM berbanding 15,267 orang pelajar pada tahun 2013.



Pada Majlis Konvokesyen Ke-14, seramai 3,477 graduan telah menerima ijazah masing-masing. Ini menjadikan jumlah keseluruhan graduan yang dilahirkan oleh UTHM, mencecah 26,595 orang. UTHM turut berbangga apabila berjaya mengekalkan sasaran peratus kebolehkerjaan graduan pada tahap 85%. Peratus Kebolehkerjaan ini meletakkan UTHM di tangga kelapan daripada 20 IPTA di Malaysia.

Bagi memperkasa jalinan kerjasama di peringkat antarabangsa pula, UTHM telah mengambil inisiatif mewujudkan Pusat Rujukan (Reference Centre) di kampus induk UTHM kepada tiga buah universiti antarabangsa iaitu Nagaoka University of Technology (NUT), Jepun; University of Bremen, Jerman dan Universitas Gadjah Mada, Indonesia. Pembentukan pusat rujukan ini adalah bertujuan untuk memudahkan lagi urusan dan hubungan kerjasama yang telah dirancang khususnya dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta untuk tujuan mempromosi universiti masing-masing dengan lebih meluas.



UTHM melalui Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) turut menjalinkan kerjasama dengan industri antarabangsa dengan menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Syarikat Halton Manufacturing Sdn. Bhd. dari negara Finland dan Euro Auto Gas Co. Ltd. Yang berpangkalan di Bangkok, Thailand.

Bagi aspek penyelidikan pula, tahun 2014 mencatatkan sejarah pencapaian jumlah keseluruhan geran tertinggi yang diperolehi oleh UTHM, iaitu menghampiri nilai RM19 juta. Pencapaian penyelidikan dan inovasi dalam tahun 2014 juga amat membanggakan apabila hasil penyelidikan para penyelidik UTHM telah menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa dengan memperoleh 12 pingat emas, 10 pingat perak dan 6 pingat gangsa dalam dua pertandingan yang disertai iaitu 25th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2014 dan 2014 Seoul International Invention Fair (SIFF 2014). Penyelidik UTHM juga telah berjaya mendapat anugerah khas di pertandingan ITEX 2014 dan daripada Federation of Korean Industries (FKI) menerusi projek Integrated Electrical Characterizations System Using Coaxial Cell dalam SIFF 2014. Kecemerlangan ini diteruskan di peringkat kebangsaan apabila penyelidik UTHM berjaya meraih 6 anugerah khas dan 32 pingat keseluruhan dalam pertandingan penyelidikan yang disertai. Selain itu, pada tahun 2014 ini, UTHM telah menganjurkan Anugerah Penerbitan Universiti 2014 sebagai penghargaan dan ransangan pihak Universiti kepada staf untuk menyumbang hasil penulisan ilmiah melalui penerbitan buku, jurnal dan prosiding. UTHM turut mencapai KPI yang ditetapkan untuk penerbitan

berindek apabila 480 penerbitan telah berjaya diindek di Scopus. Bilangan citation UTHM turut meningkat dari h-18 kepada h-22 pada tahun 2014.

Dalam usaha menyokong saranan Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B Dato Seri Mohd Najib Tun Razak, untuk Malaysia memantau dan seterusnya mengurangkan kadar penghasilan gas rumah hijau negara, UTHM melalui Pusat Kajian Tenaga dan Persekitaran Industri (CEIES) turut melibatkan diri di dalam MyCarbon Pilot Reporting Program yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP) Malaysia. MYCarbon merupakan program yang pertama seumpamanya di Malaysia dan UTHM merupakan institusi pendidikan pertama di Malaysia yang melibatkan diri dalam program ini. Melalui program ini, UTHM akan mengisytiharkan jumlah pembebasan gas rumah hijau dalam unit tons of CO₂ equivalent setahun yang terhasil di peringkat organisasi secara langsung dan tidak langsung. Jumlah karbon dioksida yang diisytiharkan tersebut meliputi penggunaan semua bahan api petrol dan diesel, penggunaan tenaga elektrik, dan penggunaan sumber-sumber lain sepanjang operasi UTHM bagi tahun yang berkenaan. Selain itu, pengisytiharan ini juga akan disertakan bersama sasaran dan strategi bagi mengurangkan jumlah pembebasan karbon dioksida oleh UTHM. Pengisytiharan ini membolehkan UTHM mengukur impak yang diberikannya kepada alam sekitar dan seterusnya merangka dan melaksanakan langkah-langkah bagi mengurangkan impak UTHM kepada alam sekitar demi kelestarian global.



Selain aspek akademik, bidang sukan turut menjadi keutamaan kepada UTHM. Pasukan mendayung, rowing dan kanu UTHM menjadi kebanggaan universiti dan negara apabila berjaya mempertahankan kejuaraan pada Kejohanan Head of Putrajaya 2014 dan berjaya muncul antara tiga pasukan terbaik dalam Kejohanan 10th Chinese University of Hong Kong Rowing Championship ASEAN Universities

Invitation Race 2014. UTHM turut diberi kepercayaan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 20110 sebagai Pusat Sukan Tumpuan (PST) Pencak Silat. Sebagai PST, UTHM bertanggungjawab menyelaras serta mengurus kejohanan silat seluruh IPT serta menyelaras pemilihan dan latihan pesilat-pesilat ke Kejohanan Sukan Universiti ASEAN dan sebagainya.



UTHM juga amat berbangga apabila telah berjaya melancarkan Pusat Sumber Digital Ahli Sunah Wal Jamaah (IASWJ). Pusat sumber ini dimuatkan sehingga 15,000 kandungan buku, jurnal dan manuskrip untuk rujukan pelajar dan juga masyarakat. Terdapat lima komponen yang dibangunkan iaitu Pusat Sumber Digital, Klinik Hukum, Klinik Terapi Solat, Klinik Terapi Haji dan Klinik Kerohanian. Justeru dengan penubuhan pusat sumber ini, UTHM menjadi IPTA pertama di Malaysia yang memperkukuhkan pendekatan Massive Open Online Course (MOOC).

Sebagai penutup, pada penghujung tahun 2014, UTHM tiurut tidak ketinggalan menabur budi dan bakti di dalam membantu usaha-usaha pemulihan pasca banjir yang melanda negeri-negeri di Pantai Timur. UTHM telah menghantar dua buah mesin hemodialisis ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian termasuklah pelbagai barangan keperluan dan khidmat Pegawai Perubatan dan Jururawat. Pasukan misi banjir UTHM turut terlibat di dalam kerja-kerja pembersihan di beberapa sekolah yang terjejas akibat bencana alam ini, antaranya; Sekolah Kebangsaan Gua Musang, Sekolah Kebangsaan Tengku Muhammad Fakhry Petra dan Maahad Muhammadi. Pasukan sukarelawan ini meliputi pelbagai peringkat staf serta pelajar, termasuklah pelajar antarabangsa dari negara Indonesia, Nigeria, Yaman dan Libya.

Semoga kejayaan dan kegemilangan yang dicapai pada tahun ini akan berterusan dan semoga semangat dan kecekalan seluruhan warga universiti akan terus memacu UTHM untuk menjadi Universiti TerHebat Malaysia.



FAKTA & ANGKA



2014 SEPINTAS LALU




Amanat Tahun Baru 2014

Naib Canselor UTHM dalam perjumpaannya bersama seluruh warga UTHM sempena dengan Majlis Amanat Tahun Baru 2014 telah menekankan beberapa aspek yang dapat menjadikan UTHM terus cemerlang dan gemilang. Di antara intipati amanat Naib Canselor adalah untuk memberikan keutamaan bagi memantapkan program akademik sedia ada; menyeru agar kerja penyelidikan dipacu dengan lebih laju dan berkesan dan seterusnya menjadi yang terbaik dan terunggul di kalangan Universiti MTUN; dan mengupayakan UTHM agar lebih bersaing di peringkat antarabangsa dan memberi ruang dan nafas baharu kepada mereka untuk lebih progresif.



Lawatan Ketua Setiausaha Negara Ke Hab Pendidikan Pagoh

Tan Sri Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara yang juga merupakan Pro-Canselor UTHM telah mengadakan lawatan tapak di Hab Pendidikan Pagoh bagi meninjau dan mengikuti perkembangan terkini mengenai progres pembangunan Hub Pendidikan Pagoh.



Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor / Rektor IPTA Malaysia Bil.3/2014

UTHM telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor / Rektor IPTA Malaysia Bil.3/2014. Mesyuarat ini telah diadakan pada 15 Disember 2014 bertempat di Bilik Bankuet, Dewan Sultan Ibrahim, UTHM.

Lawatan Kerja Menteri Pendidikan II Ke UTHM

Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Idris Jusoh telah mengadakan lawatan kerja ke UTHM pada 22 Februari 2014 dan telah menyempurnakan beberapa acara penting seperti merasmikan Kompleks Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP); pelancaran Program Jom Kayuh UTHM dan acara Penyerahan Basikal Kepada warga UTHM; acara Pelancaran Buku Baharu Terbitan Penerbit UTHM; penyampaian Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi sesi 2013/2014; Penyampaian Sijil Kompetensi (GE) dan Penyerahan Pencapaian Pelaksanaan Program Persediaan Diploma. Selain itu, Dato' Seri Idris juga turut menyampaikan Anugerah Khas Pengkomersilan Produk Penyelidikan dan Inovasi UTHM dan turut menyempurnakan acara pelancaran briged Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV).



Perasmian Pusat Ko-Kurikulum

Bangunan Pusat Ko-Kurikulum UTHM telah dirasmikan oleh Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara bersempena dengan lawatan beliau ke UTHM.

Majlis Diskusi Ilmu – Pencapaian QS Star Rating

Majlis Diskusi Ilmu ini diadakan bertujuan untuk membincangkan tentang pencapaian QS Star Rating yang diperoleh UTHM dan usaha-usaha yang perlu ditingkatkan bagi mencapai sasaran lima bintang secara keseluruhan dalam QS Star Rating.



LENSA 2014



KECEMERLANGAN UNIVERSITI




KECEMERLANGAN UNIVERSITI

• PENCAPAIAN INDEKS PRESTASI UTAMA (KPI)

Secara keseluruhannya pencapaian Indeks Prestasi Utama (KPI) berdasarkan Projek Agenda Kritikal (CAPs) Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) UTHM pada tahun 2014 menunjukkan prestasi yang memberangsangkan

di mana sebanyak 18 KPI yang ditetapkan telah mencapai atau melebihi sasaran ditetapkan. Peratusan pencapaian KPI CAPs PSPTN UTHM 2014 adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.



Rajah 1: Peratusan pencapaian KPI CAPs PSPTN UTHM 2014

Jadual 1 : Pencapaian KPI CAPs PSPTN UTHM Tahun 2014

CAP	KPI	Sasaran	Pencapaian
Akademia	Bilangan penerbitan yang dihasilkan secara perkongsian dan berpasukan	250	231
	Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	47	30
	Bilangan ahli akademik yang dilantik menjadi Profesor Adjung / Profesor Pelawat	4	3
	Bilangan ahli akademik yang terlibat sebagai pakar rujuk / penasihat di peringkat kebangsaan / antarabangsa	56	34
e-Learning	Bilangan kursus IPTA dalam Mod <i>Blended Learning</i>	950	713
Keusahawanan	Bilangan siswazah / lulusan IPT menceburi bidang perniagaan selepas tamat pengajian	25	20
	Bilangan pelajar ijazah pertama dan diploma sepenuh masa (tidak termasuk pelajar pascasiswazah) yang mendapat pendedahan melalui program /aktiviti keusahawanan berstruktur (luar daripada kurikulum)	2,100	2,178
Kebolehpasaran Siswazah	Peratusan graduan yang mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan setelah menamatkan pengajian	80.0%	86.0%
Pembangunan Holistik Pelajar	Bilangan pemimpin yang berketrampilan di kalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPTA	10	8
	Bilangan program yang berteraskan <i>University Community Engagement (UCE)</i> yang dilaksanakan oleh IPTA	3	3
Industri Akademia	Peratus (%) pendapatan yang dijana IPTA	12	20.3
Pengantarabangsaan	Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA	52	33
	Bilangan enrolmen mahasiswa pasca siswazah antarabangsa di IPTA	305	377
	Bilangan enrolmen mahasiswa antarabangsa di IPTA	762	527
Program Pemindahan Ilmu	Bilangan amalan terbaik dalam pemindahan ilmu yang diterima pakai oleh komuniti dan inovasi yang diterima oleh industri	2	3
	Bilangan projek pemangkin / <i>Flagship</i> pemindahan ilmu dan akademik yang dilaksanakan mengikut Bidang Keberhasilan Utama (KRA) industri dan komuniti	1	1
	Bilangan projek pemindahan ilmu dan akademik dengan kerjasama industri / komuniti	4	4

CAP	KPI	Sasaran	Pencapaian
Pembelajaran & Pengajaran	Peratusan bajet penyelidikan universiti yang diperuntukkan bagi penyelidikan dan inovasi dalam P&P	100%	100%
	Peratusan program yang melaksanakan sekurang-kurangnya 5 amalan pembelajaran berimpak tinggi yang menyokong HSD	41.0%	83.7%
Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)	Bilangan peserta yang menyertai Program PSH (Program PSH formal)	550	650
	Bilangan peserta yang menyertai Program PSH (Program PSH tidak formal) – IPTA	1,200	1,464
	Bilangan Program PSH di IPTA	35	28
My Brain 15	Bilangan mahasiswa PhD (warganegara, sepenuh masa dan separuh masa) yang bergraduasi dalam tempoh yang sepatutnya di IPTA	12	17
	Bilangan mahasiswa PhD (warganegara, sepenuh masa dan separuh masa) yang digraduasi oleh IPTA	20	19
	Bilangan staf akademik berkelayakan PhD dan setaraf (warganegara dan bukan warganegara) di IPTA	310	336
	Enrolmen mahasiswa PhD dan setaraf di IPTA (warganegara)	400	402
Penyelidikan dan pembangunan	Bilangan produk R&D yang dikomersilkan pada tahun semasa	1	1
	Jumlah dana penyelidikan yang diperoleh IPT dari pihak antarabangsa pada tahun semasa	RM 500,000	RM 435,117
	Jumlah dana penyelidikan yang diperoleh IPT dari pihak swasta pada tahun semasa	RM 750,000	RM 161,253
	Bilangan harta intelek (IP) yang difailkan	40	47
	Bilangan penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang diindeks	450	382
	Jumlah kumulatif sitasi dalam 5 tahun ke belakang	3,125	1,912
	Jumlah penjanaan pendapatan R&D&C daripada harta intelek (IP), Perundingan dan Khidmat Pemindahan Ilmu	RM 1,000,000	RM 1,332,815

PENGIKTIRAFAN DAN KEJAYAAN



Keunggulan UTHM sebagai sebuah universiti teknikal di Malaysia telah berjaya dibuktikan apabila pada tahun 2014, UTHM telah berjaya mendapat pengiktirafan lima bintang untuk kriteria pengajaran, fasiliti dan juga inovasi di dalam Audit Quacquarelli Symonds (QS) Star Rating. UTHM berjaya mendapat status tiga bintang bagi skor keseluruhan untuk lapan kriteria yang diaudit iaitu; penyelidikan, kebolehpasaran pekerjaan, pengajaran, fasiliti, pengantarabangsaan, inovasi, tarikan (engagement) serta kejuruteraan dan teknologi.

WEBOMETRICS RANKING WEB OF UNIVERSITIES

Penarafan UTHM dalam Webometrics yang dijalankan oleh Cybermetric Lab terus meningkat apabila berjaya menduduki tempat ketiga daripada 92 buah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia bagi kriteria Presence Rank.




UTHM telah memperoleh akreditasi penuh tanpa syarat daripada Chartered Institute of Building (CIOB), United Kingdom bagi program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) dengan Kepujian bagi tempoh lima tahun.



Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian juga berjaya mendapat pengiktirafan penuh selama lima tahun daripada Engineering Accreditation Council Malaysia (EAC), manakala dua lagi program iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian masing-masing turut mendapat pengiktirafan untuk tiga dan dua tahun juga daripada EAC.



UTHM turut berjaya memperoleh akreditasi MS ISO / IEC 17025 di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM), Jabatan Standard Malaysia bagi Makmal Pusat Penyelidikan Elektromagnet Gunaan untuk tempoh tiga tahun sehingga 2017.



Malaysia International
Technology Expo 2014



Kejayaan UTHM dalam bidang penyelidikan semakin menyerlah apabila menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa dengan memperolehi 12 pingat emas, 10 pingat perak dan 6 pingat gangsa dalam dua pertandingan yang disertai iaitu 25th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2014 dan 2014 Seoul International Invention Fair (SIIF 2014). Penyelidik UTHM juga telah berjaya mendapat anugerah khas di pertandingan ITEX 2014 dan daripada Federation of Korean Industries (FKI) menerusi projek Integrated Electrical Characterizations System Using Coaxial Cell dalam SIIF 2014. Kecemerlangan ini diteruskan di peringkat kebangsaan apabila penyelidik UTHM berjaya meraih 6 anugerah khas dan 32 pingat keseluruhan dalam pertandingan penyelidikan yang disertai.

BIL.	NAMA PAMERAN	PINGAT			ANUGERAH KHAS
		Emas	Perak	Gangsa	
1	MTE 2014	4	5	3	2
2	ITEX 2014	5	9	1	1
3	BIS 2014	3	0	0	3
4	SIIF 2014	7	1	5	1
5	Bio MALAYSIA 2014	1	1	5	-
6	MRC 2014	2	2	1	-
7	i-Inova 2014	3	2	0	1
JUMLAH KESELURUHAN		25	20	15	8

Jadual 2 : Kejayaan Pertandingan Penyelidikan Tahun 2014



UTHM telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan dalam Pertandingan Peringkat Akhir Kemuncak Nasional MyInovasi 2014 melalui projek Self-lifted Stand For Motorcycle Safety (SMARTS) dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM50,000. UTHM turut memperolehi anugerah Bantuan Paten sebanyak RM10,000 dan dua anugerah saguhati berjumlah RM3,000.00 dan menjadikan jumlah keseluruhan wang tunai yang dimenangi UTHM dalam MyInovasi2014 ialah sebanyak RM63,000.



MYCarbon

National Corporate GHG Reporting Programme for Malaysia

UTHM komited dan menyokong sepenuhnya usaha kerajaan dalam memantau dan mengurangkan kadar penghasilan gas rumah hijau negara sepertimana yang diwartakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B. Dato Seri Mohd Najib Tun Razak sewaktu di United Nations Climate Change Conference 2009, Copenhagen, Denmark. MYCarbon merupakan program yang pertama seumpamanya di Malaysia dan UTHM merupakan institusi pendidikan pertama di Malaysia yang melibatkan diri dalam program ini.

TADBIR URUS UNIVERSITI





TADBIR URUS UNIVERSITI

PEMASYHURAN PRO-CANSELOR



Ketua Setiausaha Negara, Tan Sr Dr. Ali Hamsa telah dimasyhurkan sebagai Pro-Canselor UTHM pada sidang pertama Majlis Konvokesyen Ke-14, atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor. Watikah pelantikan Pro-Canselor telah diserahkan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor merangkap Pro-Canselor UTHM. Dengan pemasyhuran ini, UTHM kini memiliki dua orang Pro-Canselor iaitu DYAM Tunku Ismail ibni Sultan Ibrahim yang telah dimasyhurkan pada tahun 2010 dan juga Tan Sr Dr. Ali Hamsa.

PELANTIKAN SEMULA AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



Dato' Sri Sufri Mohd Zin



Datuk Dr. Pang Chau Leong



Mejar Jeneral (B)
Dato' Md. Ismail
Ahmad Khan



Profesor Ir. Dr. Haji
Abas Wahab

Empat Ahli Lembaga Pengarah UTHM menerima pelantikan semula sebagai ahli pada Februari 2014 untuk tempoh dua tahun lagi. Empat ahli tersebut adalah Dato' Sri Sufri Mohd Zin, Pengerusi Eksekutif TRC Synergy Berhad; Datuk Dr. Pang Chau Leong, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia; Mejar Jeneral (B) Dato' Md. Ismail Ahmad Khan, Pengarah Urusan TALHIS-K Sdn. Bhd dan Profesor Ir. Dr. Haji Abas Wahab, Profesor Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, UTHM.

Pelantikan Pendaftar Baharu



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah melantik Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman sebagai Pendaftar baharu berkuatkuasa pada 22 Mei 2014. Pelantikan beliau adalah bagi menggantikan Encik Sulam Hamid yang telah bersara dari perkhidmatannya. Encik Abdul Halim sebelum ini merupakan Timbalan Pendaftar Kanan di Pejabat Pengurusan Akademik, UTHM. Beliau memulakan perkhidmatannya di UTHM pada tahun 2001 sebagai Timbalan Pendaftar setelah menamatkan perkhidmatannya di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pada tahun 2006 pula beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pendaftar Kanan (N52) dan pernah menanggung tugas Pendaftar UTHM pada 2005 selama lapan bulan sebelum dipinjamkan ke Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada awal tahun 2010 sebagai Pendaftar. Bagai sirih pulang ke gagang, akhirnya pemegang Ijazah Sarjana Pengurusan Sumber Manusia dari University of Waikato, New Zealand ini kembali semula berkhidmat di UTHM pada awal tahun 2012 sehinggalah dilantik sebagai Pendaftar UTHM.

Bendera Rasmi Baharu



Sejajar dengan penukaran Logo Rasmi UTHM pada Ogos 2013 yang lalu, UTHM telah memperkenalkan bendera rasmi baharu UTHM. Majlis pengenalan bendera rasmi baharu UTHM ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri (Dr.) Ir. Jamilus bin Md. Hussin, Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM. Bendera rasmi baharu ini lebih jelas menonjolkan Logo UTHM berbanding bendera lama dan ia dapat memberi impak yang lebih berkesan dari sudut publisiti. Warna biru, putih dan merah yang menjadi asas kepada latar belakang bendera ini juga merupakan warna-warna yang diambil daripada Logo Rasmi UTHM dan juga merupakan warna asas bendera negeri Johor Darul Ta'zim.

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PENGURUSAN & PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Perjawatan

Keseluruhan staf UTHM sehingga 31 Disember 2014 adalah seramai 2,205 orang. Daripada jumlah tersebut 1,012 orang adalah staf akademik dan 1,193 orang staf pentadbiran. Jumlah ini

adalah termasuk 7 orang pemegang jawatan Pengurusan Tertinggi. Pecahan gred jawatan adalah seperti di Jadual 3 dan Jadual 4.

Jadual 3: Pecahan Staf Akademik Mengikut Gred Jawatan

GRED JAWATAN	BILANGAN
JUSA	4
Profesor VK5	1
Profesor VK6	7
Profesor VK7	18
Profesor Madya DS54	79
Profesor Madya DS53	10
Pensyarah Kanan DS52	165
Pensyarah Kanan DS51	118
Pensyarah Universiti DS45	477
Guru Bahasa DG52	0
Guru Bahasa DG48	1
Guru Bahasa DG44	2
Guru Bahasa DG41	26
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG48	1
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG38	1
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG32	2
Pegawai Latihan Vokasional J48	1
Pegawai Latihan Vokasional J44	23
Pegawai Latihan Vokasional J43	3
Pegawai Latihan Vokasional J42	6
Pegawai Latihan Vokasional J41	55
Penolong Pegawai Latihan Vokasional J29	10
Pasca Doktorat	2
JUMLAH KESELURUHAN	1,012

Jadual 4: Pecahan Staf Pentadbiran Mengikut Kumpulan Perjawatan

KUMPULAN JAWATAN	BILANGAN
Kumpulan Pengurusan & Profesional	163
Kumpulan Pelaksana	1,030
JUMLAH KESELURUHAN	1,193

Kenaikan Pangkat Staf


2014 menyaksikan seramai 124 orang staf kenaikan pangkat staf tahun 2014 adalah seperti pelbagai gred jawatan yang berjaya Jadual 5 berikut; memperoleh kenaikan pangkat. Pecahan

Jadual 5: Pecahan Kenaikan Pangkat Staf Tahun 2014

KUMPULAN JAWATAN	BILANGAN
Profesor Khas Gred B	3
Prof. Madya Gred DS54	15
Pensyarah Kanan Gred DS52	14
Penngajar Kanan Gred J44	14
Pengajar Gred DG38	2
Guru Bahasa Gred DG48	1
Staf Bukan Akademik (Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana)	75
JUMLAH KESELURUHAN	124

Persaraan Staf

Pada tahun 2014 juga, seramai 14 orang staf UTHM yang terdiri daripada seorang staf pentadbiran dan 13 orang staf akademik yang telah bersara wajib setelah mencapai umur persaraan masing-masing.



Rajah 2: Jumlah Staf Bersara Wajib

Peperiksaan Staf

Peperiksaan Perkhidmatan Staf telah dijalankan pada 24-28 Ogos 2014 dengan jumlah calon sebanyak 24 orang. Daripada jumlah tersebut, 16 orang staf telah lulus manakala 8 orang staf gagal dalam beberapa kertas peperiksaan tertentu.

Bilangan Calon	: 24 orang
Keseluruhan Staf Lulus Peperiksaan	: 16 orang (67%)
Keseluruhan Staf Gagal Peperiksaan	: 8 orang (33%)
Jumlah Keseluruhan Kertas	: 60 kertas
Jumlah kertas lulus	: 50 kertas (84%)
Jumlah kertas gagal	: 10 kertas (16%)



Staf Cuti Belajar

Di samping itu, pada tahun 2014 juga, seramai 54 orang staf akademik telah diluluskan cuti belajar di peringkat Pasca Kedoktoran, Ph.D. dan Sarjana. Hampir kesemua staf mendapat

penajaan Bahagian Biasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia, kecuali seorang yang mendapat tajaan biasiswa UTHM. Perangkaan seperti di Jadual 6.

Jadual 6: Senarai Staf Diluluskan Cuti Belajar Pada Tahun 2014

Fakulti	Jawatan	Dalam Negara			Luar Negara			Jumlah	
		Sijil	Sarjana	Ph.D.	Sarjana	Ph.D.	Pasca-Kedoktoran		
FKAAS	Pensyarah			5				5	11
	Pengajar			5		1		6	
FKEE	Pensyarah			1		1		2	7
	Tutor			2		1		3	
	Pengajar		1	1				2	
FKMP	Pensyarah			1			1	2	14
	Tutor			6		2		8	
	Pengajar			4				4	
FSTPi	Pensyarah			2				2	11
	Tutor			4				4	
	Gurubahasa		5					5	
FPTP	Pensyarah			1				1	2
	Tutor			1				1	
FPTV	Pensyarah			2				2	3
	Tutor			1				1	
FSKTM	Pensyarah			1		1		2	6
	Tutor			4				4	
FTK	Pensyarah							0	0
	Tutor							0	
Jumlah		0	6	41	0	6	1	54	
		47			7				
		54							


UTHM turut meluluskan seorang staf untuk mengikuti Program Sangkutan Industri di Syarikat PSB Associates, Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim dan tiga orang staf lagi untuk program sabatikal

di luar negara iaitu di University of Nottigham dan University of Cambridge, United Kingdom serta Hong Kong Polytechnic University di Hong Kong.

Pembangunan Modal Insan

Penyertaan mengikuti kursus merupakan sebahagian daripada program pembangunan sumber manusia yang menjadi keperluan dalam pembangunan bakat dan kompetensi

dalam kalangan staf di UTHM. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2014, UTHM telah melaksanakan 60 kursus dalaman dan sebanyak 141 kursus luar yang telah dihadiri oleh staf UTHM.



Rajah 3: Jumlah kursus yang dihadiri staf UTHM tahun 2014

Senarai kursus dalaman anjuran UTHM pada tahun 2014 adalah seperti di Jadual 7.


Jadual 7: Senarai Kursus Dalaman Anjuran UTHM Tahun 2014

BIL	KURSUS	TARIKH KURSUS	BIL. PESERTA
JANUARI 2014			
1	BENGGEL PEMANTAPAN PROJEK KIK	26 – 29	26
FEBRUARI 2014			
2	AKAUNTABILITI DALAM PEROLEHAN UNTUK KJ	4 – 5	19
3	IDP 44	9 – 12	28
4	KURSUS KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF	10 – 11	31
5	PROGRAM TRANSFORMASI MINDA	16 – 20	39
6	PENGURUSAN STRESS	23 – 24	35
7	PROTOKOL DAN ETIKET SOSIAL	25 – 26	33
8	FAIL MEJA DAN MANUAL PROSEDUR KERJA	25 – 26	34
MAC 2014			
9	KURSUS MICROSOFT WORD 2007	2 – 9	21
10	BENGGEL PENAMBAHBAIKAN PROJEK KIK	4 – 7	22
11	ETIKA DAN PENULISAN JURNAL BERIMPAK TINGGI	5 – 6	31
13	STAF KOMPETEN	9 – 10	36
12	PERUNDINGAN BERKESAN	11 – 12	25
13	PERTOLONGAN CEMAS	16 – 17	32
14	BLUE OCEAN	18 – 19	10
15	INSPIRASI SIHAT	18 – 19	72
16	PENGURUSAN KESELAMATAN KIMIA	25 – 26	33
APRIL			
17	KURSUS PENGENALAN KEPADA FORENSIK DIGITAL DAN KESELAMATAN IT	1 – 2	29
18	PENGURUSAN FAIL DAN REKOD	9	32
19	PENGURUSAN KONFLIK DAN STRESS	6 – 7	33
20	OH MY ENGLISH BASIC	13 – 14	21
21	YANG LAMA DIKELEK YANG BAHARU DIDUKUNG	27 – 30	34
22	PENGURUSAN MESYUARAT	22 – 23	26
23	DSLR- REAL NATURE	27 – 28	32
24	PENGURUSAN KRISIS	29 – 30	26
25	KURSUS MICROSOFT POWER POINT	25 – 26	32
MEI			
26	SEMINAR ZERO TO HERO	14	233
27	KEMAHIRAN ICT SETIAUSAHA	19, 22 & 28	36
28	KURSUS BEKERJA SELAMAT DI TEMPAT TINGGI	20 – 21	34
29	KURSUS PENGURUSAN MASA	20 – 21	40
30	KURSUS KESEDARAN ISO DAN AMALAN 5S	25 – 26	42
31	KURSUS TUNTUTAN PERJALANAN	27 – 28	31

JUN			
32	KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN UNIVERSITI	3 – 4	35
33	KURSUS PENGURUSAN RISIKO DAN KOMUNIKASI BEKERSAN	8 - 9	20
34	KURSUS OH MY ENGLISH 'INTERMEDIATE'	10 – 11	27
35	PESONA 360 DAN KEMAHIRAN INTERPERSONAL	15 - 16	29
36	KURSUS 'PERMIT TO WORK'	10 – 11	37
37	KURSUS 'CODEIGNITER/PHP	15 – 16	17
38	KURSUS MICROSOFT EXCEL	17 – 18	32
39	SIX SIGMA TOOLS FOR IMPROVEMENT	22 – 23	17
40	KURSUS INSPIRASI SIHAT	24 – 25	64
OGOS			
41	METODOLOGI PENYELIDIKAN	10 – 14	15
42	KURSUS EMAIL UTHM	12 – 13	39
43	IELTS PREPARATION COURSE	18 – 20	10
44	KURSUS PENGURUSAN ADUAN BAGI PETUGAS BARISAN HADAPAN	17 - 18	31
45	BENGGEL ASAS DAN PERTENGAHAN ELEKTRONIK PUBLISHING DALAM PENERBITAN BUKU DIGITAL	28 – 30	14
SEPTEMBER			
46	TEAM BUILDING SIRI 1	7 – 9	34
47	ADOBE ILLUSTRATOR	9 – 10	32
48	OSHA	14 – 15	27
49	KURSUS PENGENALAN ORANG KENAMAAN	21 – 24	21
50	KURSUS PEMIKIRAN KREATIF DAN PENYELESAIAN MASALAH	28 – 29	27
51	KURSUS KEPERIBADIAN STAF DALAM PENGURUSAN PELANGGAN	29 – 30	38
OKTOBER			
52	TEAM BUILDING SIRI 2	19 – 21	25
53	OH MY ENGLISH ADVANCE	29 – 30	11
NOVEMBER			
54	KURSUS KEWANGAN UNIVERSITI	2 – 3	26
55	KURSUS AUTOCAD	4 – 5	23
56	BICARA EKSEKUTIF	12	150
57	KURSUS TRANSFORMASI PENOLONG JURUTERA	12 – 13	50
58	TEAM BUILDING SIRI 3	18 – 20	50
DISEMBER			
59	KURSUS KEPIMPINAN BERKESAN	15 – 16	29
60	TEAM BUILDING SIRI 4	18 - 20	26

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2014, seramai 1,728 orang daripada 1989 orang staf UTHM telah mencapai kehadiran latihan

sekurang-kurangnya 7 hari setahun iaitu bersamaan 87%. Seramai (261) orang tidak mencapai kehadiran 7 hari setahun.



Rajah 4: Jumlah Pencapaian Bilangan Hari Kursus Staf

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang & Anugerah Jasa Bakti



Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa telah menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada 174 penerima dalam majlis yang diadakan di Dewan Tunku Ibrahim Ismail, UTHM. Sementara itu, di dalam

majlis yang berasingan, Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Dr. Mohd Noh Dalimin telah menyampaikan Anugerah Jasa Bakti kepada 232 orang penerima.



UTHM sentiasa memberi perhatian terhadap usaha-usaha memperkenalkan inovasi dan membuat penambahbaikan terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Pada tahun 2014, Kumpulan

Inovasi Kreatif (KIK) UTHM turut bergiat aktif dalam memberi sumbangan ke arah penambahbaikan proses kerja di UTHM selain turut menyertai pertandingan-pertandingan KIK yang dianjurkan.

Jadual 8: Aktiviti Kumpulan KIK UTHM Tahun 2014

Bil.	Keterangan Aktiviti	Nama Kumpulan	Pencapaian
1.	Majlis Pembentangan Projek KIK 2013 (Peringkat UTHM) Tarikh: 13 Februari 2014 Tempat: Bilik Banquet, DSI	1. LIB 12 2. Q-PPD 3. FIRUZ	Johan (Kategori Pengurusan) Johan (Kategori Teknikal) Naib Johan (Kategori Teknikal)
2.	Konvensyen KIK IPTA ke- 10 Tarikh: 9 – 10 April 2014 Tempat: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	1. Q-PPQ 2. LIB 12	Perak (Kategori Teknikal) Perak (Kategori Pengurusan)
3.	Mini Konvensyen ICC 2014 Peringkat Zon Selatan Tarikh: 10 April 2014 Tempat: Berjaya Waterfront Hotel, Johor Bahru	FIRUZ	Emas (Kategori Teknikal)
4.	Konvensyen Team Excellence (ICC) Kebangsaan 2014 Tarikh: 24- 26 November 2014 Tempat: Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)	FIRUZ	Emas 3 Bintang (Kategori Teknikal)

Tajuk Projek (KIK):

1. LIB 12 – Kesukaran Mengesan Rekod Bagi Proses Penandaan Buku Rosak yang Telah Siap Dijilid
2. Q-PPD – Penggunaan Kertas yang Kurang Efisien di Pusat Pengajian Diploma
3. FIRUZ – Kesukaran Menyusun Buku di Rak

AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN

AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN

QS Star Rating



5.	Project Development Methodology for Computer Science Projects using An Object-Oriented Approach	https://www.e-sentral.com/search/byid/47142/project-development-methodology-for-computer-science-projects
6.	Waterfront Development in Malaysia	https://www.e-sentral.com/search/byid/47143/waterfront-development-in-malaysia

Pada tahun 2014, sejumlah 13 terbitan Jurnal telah berjaya diterbitkan. Senarai jurnal yang berjaya diterbitkan adalah seperti berikut;



Journal of Science and Technology
Vol. 6 No. 1 & 2




The International Journal of Sustainable Construction Engineering Technology
Vol. 5 No. 1 & 2




Journal of Technical Education and Training
Vol. 6 No. 1 & 2



International Journal of Integrated Engineering
Vol. 6 No. 1, 2 & 3



The Journal of Techno-Social
Vol. 5 No. 1 & 2



Journal of Technology Management and Business
Vol. 1 No. 1 & 2

Pameran dan Promosi Penerbit UTHM

Bagi aktiviti pameran jualan dan promosi pula, membabitkan beberapa lokasi seluruh negara sebanyak 20 pameran telah disertai oleh Unit Pemasaran dan Promosi, Pejabat Penerbit seperti berikut;

BIL.	TARIKH	LOKASI	HASIL JUALAN
1.	2 - 8 Mac 2014	Pesta Buku Utara, UUM, Kedah	RM 1,042.80
2.	10 Mac 2014	Jualan Buku Pendaftaran Pelajar Pra-siswazah	RM 276.00
3.	12 - 16 Mac 2014	Pesta Buku dan ICT Mega UKM	RM 1,366.80
4.	1 - 3 April 2014	Jualan Buku BB1M, Perpustakaan UTHM	RM 1,761.80
5.	9 - 10 April 2014	Jualan sempena persidangan FSTPi	RM 940.00
6.	24 April – 4 Mei 2014	Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2014	RM 7,452.15
7.	28 Februari - 10 Mac 2014	Pesta Buku Brunei 2014	RM 559.70
8.	7 - 8 Mei 2014	Jualan Buku di IPTHO	RM 215.00
9.	14 - 16 Mei 2014	Jualan buku sempena Know Fest Festival di UPNM, Sg Besi	RM 70.00
10.	21 - 22 Mei 2014	Jualan buku persidangan FSTPi	RM 34.00
11.	31 Mei - 8 Jun 2014	Jualan di Malaysia Consumer Expo, Matrade, KL	RM 1,179.80
12.	29 - 30 Jun 2014	Jualan sempena persidangan FFTP di Melaka	RM 76.00
13.	1 - 18 Julai 2014	Jualan di lobi Kementerian Pendidikan Malaysia	RM 441.80
14.	25 - 26 Ogos 2014	Jualan buku di Politeknik Mersing	RM 5.00
15.	29 Ogos - 8 September 2014	Pesta Buku Selangor 2014	RM 3,020.45
16.	24 - 27 September 2014	Pesta Buku UPSI	RM 2,047.40
17.	3 - 7 November 2014	Pesta Buku UM	RM 1,204.20
18.	30 Oktober – 9 November 2014	Ekspo Buku Islam Antarabangsa Putrajaya 2014	RM 1,098.00
19.	10 - 14 November 2014	Pesta Buku UIAM	RM 298.00
20.	20 - 23 November 2014	Jualan Buku Akhir Tahun, KLCC,	RM 440.30

Kursus Anjuran Penerbit UTHM

Selain menghasilkan bahan terbitan, Penerbit UTHM juga menjalankan latihan bagi pembangunan staf dalam aktiviti penulisan dan penerbitan. Sepanjang tahun 2014 sebanyak lima kursus telah diadakan iaitu Bengkel Pemurnian Modul P&P mengikut Garis Panduan,

Kursus Penulisan & Penerbitan Buku Penyelidikan, Kursus Etika & Penulisan Jurnal Berimpak Tinggi Siri, Kursus Penarafan Jurnal UTHM Ke Scopus, Kursus Asas & Pertengahan EPUB dalam Penerbitan Buku Digital.

Anugerah Penerbitan Universiti Kali Keempat



APUke-4
Anugerah Penerbitan Universiti

Tahniah

Penerima Anugerah Penerbitan Universiti ke-4





ANUGERAH TOKOH PENERBITAN
Prof. Madya Dr. Yusri bin Yusof

ANUGERAH PENULIS MUDA
Prof. Madya Dr. Muhammad Yusof bin Ismail

ANUGERAH BUKU TERBAIK (BIDANG SAINS, TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN)
Hadiah Pertama
Neural Network System Identification Experimental Approach of a Car Modelling
Dr. Dirman Hanafi bin Burhannuddin

Hadiah Kedua
Reflectarray Antennas for Strategic Defense Technology
Prof. Madya Dr. Muhammad Yusof bin Ismail

Hadiah Ketiga
Numerical Methods with Excel
Prof. Madya Dr. Tay Kim Gaik

ANUGERAH BUKU TERBAIK (BIDANG KEMANUSIAAN DAN SAINS SOSIAL)
Hadiah Pertama
Total Quality Management
Dr. Hj. Torehman@Rosmaini bin Hj. Tasmin



ANUGERAH BUKU TERLARIS
Hadiah Pertama
Tun Dr. Ismail : Merintis Kepemimpinan Berintegriti
Prof. Madya Dr. Khairul Azman bin Mohd. Suhaimy

Hadiah Kedua
Mandarin Made Simple
Encik Lim Hong Swan

Hadiah Ketiga
Total Quality Management
Dr. Hj. Torehman@Rosmaini bin Hj. Tasmin

ANUGERAH HADIAH KHAS FAKULTI KATEGORI BUKU
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM)

KATEGORI ARTIKEL JURNAL
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP)

KATEGORI KERTAS KERJA PERSIDANGAN
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP)

KATEGORI MODUL PEMBELAJARAN
Pusat Pengajian Diploma (PPD)

Anugerah Penerbitan Universiti (APU 2014) merupakan program anjuran Pejabat Penerbit UTHM yang diadakan dua tahun sekali dalam usaha menghargai sumbangan karya yang berjaya diterbitkan dalam kalangan warga universiti. APU ini juga dilihat mampu merangsang penghasilan bahan-bahan penulisan ilmiah di samping meningkatkan daya saing dalam penulisan yang berkualiti sekali gus meningkatkan imej penerbitan ilmiah universiti.

Prof. Madya Dr. Yusri Yusof dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan telah diumumkan sebagai Tokoh Penerbitan sempena APU 2014 yang menerima wang tunai sebanyak RM3000, sijil dan trofi manakala Prof. Madya Dr.

Muhammad Yusof b. Ismail diumumkan sebagai Penulis Muda yang turut menerima wang tunai RM1000, sijil dan trofi. Terdapat beberapa kategori lain yang dipertandingkan dalam APU 2014 iaitu Kategori Anugerah Buku Terbaik Bidang Sains, Teknologi dan Kejuruteraan, Anugerah Buku Terbaik Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial, Anugerah Buku Terlaris, Anugerah Hadiah Khas Fakulti Kategori Buku, Anugerah Hadiah Khas Fakulti Kategori Artikel Jurnal, Anugerah Hadiah Khas Fakulti Kategori Kertas Kerja Persidangan serta Anugerah Hadiah Khas Fakulti Kategori Modul Pembelajaran. APU 2014 kali ini juga turut memberikan penghargaan kepada 50 Penulis Berindeks Scopus membabitkan tiga kategori iaitu documents, citations, H-index.

MoU Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka & Pelancaran EBookStore



Penerbit UTHM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam usaha menggalakkan dan menyuburkan lagi penerbitan ilmiah dalam kalangan staf UTHM. Majlis menandatangani MoU ini telah diadakan sempena Anugerah Penerbitan Universiti (APU) 2014 yang berlangsung pada 4 November 2014

di Dewan Sultan Ismail, UTHM. UTHM diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Mohd. Noh Dalimin manakala DBP diwakili oleh Ketua Pengarah, Datuk Dr. Hj. Awang Sariyan. Dalam majlis yang sama juga Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Mohd. Noh Dalimin turut melancarkan kedai buku elektronik UTHM iaitu Ebookstore.uthm.edu.my




Majlis Syarahan Perdana 2014



Penerbit UTHM telah berjaya menganjurkan dua Majlis Syarahan Perdana yang melibatkan Profesor Dr. Devapriya Chitral Wijeyesekera

daripada Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar serta Profesor Dr. Rosziati binti Ibrahim dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat.

PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR DAN KEMAJUAN ALUMNI



PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR

UTHM terus komited dalam mengembangkan potensi diri pelajar di sepanjang pengajian mereka di universiti ini. Dengan Tagline ' - HOLISTIK – ENDAH – PROFESIONAL – AMANAH - ' jelas menzahirkan komitmen dan iltizam UTHM untuk menyediakan modal insan dan pemimpin masa hadapan yang berilmu, berdaya saing serta

bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara. Pelbagai aktiviti dan program yang dilaksanakan sama ada di peringkat universiti, fakulti dan juga kolej kediaman yang mendukung pembentukan karekter dan jati diri pelajar yang bersifat global dan dinamik.

Jadual 32 : Jumlah Penganjuran Program Pelajar Tahun 2014

BIL	NAMA PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	LOKASI	RINGKASAN PROGRAM
1	Program aktiviti P3P	Jan- Dis	Pelbagai	35 aktiviti pelajar
2	Program aktiviti FKAAS	Jan- Dis	Pelbagai	22 aktiviti pelajar
3	Program aktiviti FKMP	Jan- Dis	Pelbagai	37 aktiviti pelajar
4	Program aktiviti FKEE	Jan- Dis	Pelbagai	21 aktiviti pelajar
5	Program aktiviti FPTV	Jan- Dis	Pelbagai	48 aktiviti pelajar
6	Program aktiviti FPTP	Jan- Dis	Pelbagai	17 aktiviti pelajar
7	Program aktiviti FSKTM	Jan- Dis	Pelbagai	9 Aktiviti pelajar
8	Program aktiviti FSTPI	Jan- Dis	Pelbagai	31 aktiviti pelajar
9	Program aktiviti PPD	Jan- Dis	Pelbagai	18 aktiviti pelajar
10	Program aktiviti FTK	Jan- Dis	Pelbagai	24 aktiviti pelajar
11	Program aktiviti Pusat Islam dan lain-lain PTj	Jan- Dis	Pelbagai	15 aktiviti pelajar
12	Kelab / Persatuan / MPP / HEP / Kolej kediaman / Badan beruniform	Jan- Dis	Pelbagai	280 aktiviti pelajar
JUMLAH KESELURUHAN				557 aktiviti pelajar

Jadual 33 : Program Pembangunan Pelajar Tahun 2014

BIL	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	RINGKASAN PROGRAM
1	Program Permulaan Graduan Ijazah Sarjana Muda Semester 2 Sesi 2013/2014	14 Februari 2014	Bilik Kuliah Di Bangunan G3	Mengadaptasikan diri sebagai pelajar universiti, mempamerkan kemahiran berinteraksi dan menyesuaikan diri dalam kumpulan pelajar di universiti. Kehadiran : 648 orang Pelajar Baru. Aktiviti yang dijalankan: Latihan Dalam Kumpulan (LDK): i. Pengadaptasian belajar di universiti. ii. Strategi belajar iii. Kemahiran berkomunikasi iv. Kemahiran kerja berkumpulan
2	Program Academic Excellence	27 Februari hingga 01 Mac 2014	Hutan Lipur Gunung Dato' Rembau Negeri Sembilan	Khusus kepada pelajar Ijazah. Membantu menyeimbangkan kecemerlangan akademik dan kemahiran insaniah. Membantu pelajar mencapai kelas pertama. Kehadiran : 64 orang pelajar
3	Program Khidmat Masyarakat Menceriakan Tabika KEMAS Sri Pintas Puding	03 Mac 2014	Tabika KEMAS Sri Pintas Puding	Program ini bertujuan untuk membantu menceriakan lagi Tabika KEMAS, disamping memberi pendedahan yang baik kepada pembangunan dan pengembangan pelajar UTHM terhadap kehidupan bermasyarakat. Program ini melibatkan 10 pelajar KKDK.
4	Program Peningkatan Jati Diri & Kemahiran Komunikasi di Kalangan Jururawat Pelatih Segamat	13 hingga 15 Mac 2014	Kolej Jururawat Segamat	Kehadiran : 50 orang Jururawat Pelatih
5	Kem "Total Recall"	20 hingga 22 Mac 2014	Hutan Lipur Gunung Dato' Rembau Negeri Sembilan	Program ini melibatkan 76 orang pelajar tahun 1 dan 2 daripada KKDK untuk membimbing mereka menjadi pemimpin baru dalam KKDK
6	Program "Let's Manage My Time"	22 Mac 2014	Dewan 3, UTHM	Program ini diadakan untuk membantu pelajar dalam menguruskan masa belajar dengan berkesan dan memberi kesedaran terhadap kepentingan masa. Melibatkan seramai 96 orang pelajar tahun 1 dan 2 daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan
7	Bengkel TOT Program Permulaan Graduan	08 dan 09 April 2014	Dewan 5, UTHM	Program ini wajib dihadiri sepenuhnya bagi melayakkan mereka untuk menjadi fasilitator bagi Program Permulaan Graduan. Melibatkan 55 orang pensyarah daripada semua fakulti
8	Program "Let's Have Some English"	17 hingga 19 April 2014	Hotel 11 @ Century Johor Bahru	Program ini melibatkan 71 orang pelajar untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris
9	Program "Who Am I"	17 hingga 19 April 2014	Tanjung Piai Resort, Pontian, Johor	Program ini mendedahkan pelajar-pelajar untuk mengenali diri sendiri dengan lebih mendalam lagi. Program ini melibatkan 43 orang pelajar dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan

10	Program "Academic Excellence"	24 hingga 26 April 2014	Hutan Lipur Gunung Dato' Rembau Negeri Sembilan	Program ini membantu pelajar untuk meningkatkan prestasi belajar. Melibatkan seramai 65 orang pelajar yang berkedudukan KS
11	Program Creative and Positive Thinking	08 hingga 10 Mei 2014	Tanjung Balau Beach Resort, Kota Tinggi	Program ini membantu pelajar belajar cara untuk berfikir secara kreatif dan positif dalam menjalani dunia di kampus. Melibatkan 64 orang pelajar
12	Asas Fasilitator (PROFAS)	08 hingga 10 Mei 2014	Kem Herba, Selangor	Program ini membantu ahli-ahli KKDK untuk memantapkan lagi kemahiran Fasilitator yang sedia ada. Melibatkan 63 orang pelajar KKDK
13	Revolving To Success	27 hingga 29 Mei 2014	Sungai Rambai, Melaka	Program ini membantu pelajar untuk merancang perjalanan hidup dalam kehidupan di kampus untuk menjadi seseorang yang berjaya. Melibatkan 35 orang pelajar.
14	Bengkel TOT Program Permulaan Graduan	04 Jun 2014	Dewan 5, UTHM	Program ini wajib dihadiri sepenuhnya bagi melayakkan mereka untuk menjadi fasilitator bagi Program Permulaan Graduan. Melibatkan 26 orang pensyarah daripada semua fakulti
15	Santai Membantu	23 dan 24 Jun 2014	Pusat Pemulihan Darul Warda, Benut Pontian	Melibatkan seramai 20 orang penghuni di Pusat Pemulihan Darul Warda. Program ini memberi pendedahan dalam mengendalikan program atau aktiviti yang melibatkan komuniti
16	Program Permulaan Graduan Diploma	26 Jun 2014	Bilik Kuliah Di Bangunan G3	Mengadaptasikan diri sebagai pelajar universiti, mempamerkan kemahiran berinteraksi dan menyesuaikan diri dalam kumpulan pelajar di universiti Kehadiran 611 orang Pelajar Baru Diploma Aktiviti yang dijalankan: Latihan Dalam Kumpulan (LDK): i. Pengadaptasian belajar di universiti. ii. Strategi belajar iii. Kemahiran berkomunikasi iv. Kemahiran kerja berkumpulan
17	Lawatan Kerja Majlis Guru Kaunseling Negeri Kedah	20 Ogos 2014	Perpustakaan, UTHM	Lawatan Kerja Majlis Guru Kaunseling Negeri Kedah ke UTHM melibatkan 37 orang Pegawai Psikologi dari seluruh Kedah.
18	Program Permulaan Graduan Ijazah Sarjana Muda Semester 1 Sesi 2014/2015	05 & 06 September 2014	Bilik Kuliah Di Bangunan G3 dan Blok Pusat Niaga Siswa	Mengadaptasikan diri sebagai pelajar universiti, mempamerkan kemahiran berinteraksi dan menyesuaikan diri dalam kumpulan pelajar di universiti Kehadiran 2301 orang Pelajar Baru Aktiviti yang dijalankan: Latihan Dalam Kumpulan (LDK): i. Pengadaptasian belajar di universiti. ii. Strategi belajar iii. Kemahiran berkomunikasi iv. Kemahiran kerja berkumpulan
19	Program Kaunseling Di Hati	16 hingga 18 Oktober 2014	Hotel 11 @ Century Johor Bahru	Program ini untuk mengenalpasti dan melatih individu yang mempunyai nilai kesukarelawan dalam membantu pelajar khususnya dalam bidang kaunseling. melibatkan 72 orang pelajar KKDK
20	Program "Who Am I"	30 Okt hingga 01 Nov 2014	Pelangi Balau Resort, Tanjung Balau	Program ini memberi kemahiran kepada pelajar tentang pelaksanaan tugas dengan bersungguh-sungguh dan berusaha meningkatkan prestasinya sebagai seorang mahasiswa. Melibatkan seramai 70 orang pelajar.

21	Lawatan Ilmiah Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn (IPTHO)	03 Nov 2014	Perpustakaan, UTHM	Program ini dapat merapatkan hubungan lagi antara IPTHO dengan UTHM. Telah menerima seramai 35 orang
22	Seminar Mahligai Cinta Bahagia	12 Nov 2014	Dewan 3, UTHM	Memberi pengetahuan kepada peserta mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pembentukan sesebuah keluarga bahagia. Program ini melibatkan 62 orang peserta dari luar dan dalam UTHM
23	Lawatan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Emas, Kota Tinggi Ke UTHM	19 Nov 2014	Perpustakaan, UTHM	Lawatan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Emas, Kota Tinggi Ke UTHM melibatkan 40 orang pelajar Tingkatan 4 dan 3 orang Pegawai Pengiring.
24	Program Khidmat Masyarakat (Anak Angkat Felda Tenang)	11 hingga 13 Disember 2014	Felda Tenang, Johor	Program Khidmat Masyarakat ini 60 orang pelajar

UTHM Naib Juara Debat Piala DiRaja Kali Ke-16

Pasukan Debat Bahasa Melayu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terus mempamerkan kecemerlangan dalam arena perdebatan peringkat Institusi Pengajian Tinggi apabila berjaya merangkul gelaran Naib Juara buat kali ketiga dalam Pertandingan Debat Piala Diraja kali ke-16 yang di adakan di Universiti Malaysia Sabah. Pasukan UTHM diwakili oleh Amirul Faiz Abdul Latif, Mohd Hasrul Effendi Muhd Salleh, Adhwa Amsyar Syazwan Abd Majid dan Ahmad Sawal Ithnin yang bertindak selaku pembangkang memperdebatkan usul "Patriotisme Adalah Warisan Sejarah."

UTHM Naib Johan Pertandingan Debat Pengurusan Antara IPT 2014

Pasukan debat Universiti UTHM terus mempamerkan kecemerlangan dalam arena pendebatan di peringkat IPT dengan merangkul naib johan bagi Pertandingan Debat Pengurusan Antara IPT 2014 yang telah diadakan pada 17 September hingga 21 September 2014 bertempat di Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah. Pasukan UTHM diwakili oleh Amirul Faiz bin Abdul Latif, Mohamad Imran bin Abbas, Nurfatihah binti Rahim dan Mohd Saddam bin Kamarulzaman. Selaku naib johan, mereka menerima wang sebanyak RM 3000, piala iringan dan sijil penghargaan. Pendebat terbaik diberikan kepada Amirul Faiz bin Abdul latif dari pasukan UTHM.

Program Jejak Menara 2014 Zon Johor

UTHM dengan kerjasama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) telah menganjurkan Program Jejak Menara 2014 Zon Johor yang melibatkan penyertaan lebih 650 peserta dari kalangan pelajar lepasan SPM dan STPM / STAM tahun 2013 dari seluruh Johor. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta akan realiti kehidupan akademik di Universiti di samping membentuk jati diri dalam mengharungi kehidupan pasca sekolah.





Malam Amal dan Kebudayaan Tiong Hua 2014

Malam Amal dan Kebudayaan Tiong Hua 2014 turut berjaya mencatat sejarahnya yang tersendiri, apabila berjaya mengumpul dana berjumlah RM14,000.00. Dana ini telah didermakan kepada Pusat Dialisis Kelab Rotary Daerah Batu Pahat.

Festival Konvokesyen UTHM 2014 (FestKon 2014)



Festival Konvokesyen UTHM 2014 (FestKon 2014) telah diadakan mulai 8 hingga 13 Oktober 2014 bertempat di Padang Kawad, UTHM bersempena dengan Majlis Konvokesyen Keempat Belas UTHM. Berbanding dengan tahun sebelumnya, penganjuran Festival Konvokesyen UTHM 2014 telah diuruskan oleh syarikat MSB Daya Bakti Enterprlse sebagai pengurus acara yang dilantik, berlangsung selama enam hari dan dimeriahkan dengan pelbagai acara bertujuan meraikan para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian masing-masing. Pelbagai pengisian telah diadakan sepanjang tempoh FestKon 2014 berlangsung. Antaranya ialah pembukaan kira-kira 300 gerai jualan dan pameran daripada agensi-agensi luar dan swasta.

Acara Festkon 2014 telah dibuka dengan ceramah perdana yang disampaikan oleh pendakwah bebas iaitu Ustaz Harryanto Rizal bin Rokman dengan tajuk Institusi Keluarga Menyokong Kejayaan Pelajar. Pada FestKon 2014 kali ini juga syarikat Warner Music akan turut serta menganjurkan WARNER MUSIC & KKBOX ROAD TOUR 2014. Lain-lain program yang telah diaturkan adalah Persembahan Tarian dan Angklung daripada delegasi Universiti Gajah Mada, Kempen Keselamatan Jalan Raya UTHM dengan tajaan PETRON & JKJR, pelancaran Kembara Bahasa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Cabaran Karaoke, Juara Joran, Sirkuit TAMIYA serta persembahan Kumpulan Burnmark & Metafora pada malam penutup.

Kelab PEMADAM UTHM

Penyelaras dan dua orang wakil tertinggi Kelab PEMADAM UTHM telah dijemput untuk menghadiri Bengkel Pemantapan dan Perbincangan Modul Kelab PEMADAM IPT Kebangsaan bertempat di Merang Suria Resort, Setiu, Terengganu. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah mengadakan

program bersama pelajar dan guru di SMK Putera Jaya, Setiu, Terengganu, menyediakan modul untuk PEMADAM, perbincangan kertas kerja Konvesyen PEMADAM Edisi ke 2 di UUM dan ceramah penulisan Hidup Penuh Erti oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

Kelab Sahabat 1 Malaysia UTHM

Seramai 28 orang pelajar Kelab Sahabat 1 Malaysia UTHM bersama seorang pegawai pengiring telah menghadiri Program Terokai Borneo Ke Arah Implimentasi Warisan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNIMAS. Antara aktiviti yang diadakan ialah menghadiri majlis pengkebumian mangsa nahas MH 17,

mengadakan sesi dialog bersama MPP UNIMAS, mengadakan program khidmat masyarakat bersama pelajar sekolah rendah, bersama warga UNIMAS mengadakan solat hajat perdana di UNIMAS, mengadakan aktiviti jungle tracking dan mengadakan program lawatan di tempat-tempat menarik di negeri Sarawak.

Program Mobiliti Pelajar

Sepanjang tahun 2014, lebih daripada 30 program mobiliti outbound dan inbound yang dilaksanakan oleh UTHM meliputi latihan industri, latihan mengajar dan juga lawatan ilmiah. Program Mobiliti Outbound Pelajar telah dilaksanakan dengan jayanya yang memberi fokus kepada khidmat masyarakat, keusahwanan, kesukarelawan, sosio budaya dan ekonomi yang akan memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai suasana di luar Negara.

Fakulti yang terlibat bagi program mobiliti outbound adalah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar yang telah mengadakan 3 program ke negara Jepun, Singapura dan London, jumlah pelajar yang terlibat adalah seramai 56 orang pelajar. Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik pula telah mengadakan 3 program ke Negara Jepun, Indonesia dan Singapura, jumlah pelajar yang terlibat adalah seramai 45 orang pelajar. Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan telah mengadakan sebanyak 6 program yang melibatkan 122 orang pelajar ke negara Indonesia, Jepun, Singapura, Korea dan Indonesia.

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional telah mengadakan 4 program ke Negara Indonesia, Singapura dan Kemboja yang melibatkan 131 orang pelajar. Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan telah mengadakan 4 program ke negara Indonesia, dan Singapura yang melibatkan 102 orang pelajar. Fakulti Sains Komputer dan Teknoogi Maklumat telah mengadakan 1 program bertempat di Singapura yang melibatkan 38 orang pelajar. Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan telah mengadakan 3 program ke negara Singapura, Australia dan Jepun yang melibatkan 80 orang pelajar, Pusat Pengajian Diploma telah



mengadakan 1 program ke negara Singapura yang melibatkan 38 orang pelajar. Fakulti Teknologi Kejuruteraan telah mengadakan 1 program ke negara Singapura yang melibatkan 38 orang pelajar.

Program Mobiliti Inbound Pelajar telah dilaksanakan dengan jayanya dengan tujuan pertukaran pengetahuan, kefahaman budaya, kematangan fikiran dan hubungan dengan dua hala dengan rakan-rakan baharu dari latarbelakang yang berbeza. Fakulti yang terlibat bagi program mobiliti Inbound adalah Pusat Sukan yang telah mengadakan 2 program yang melibatkan Negara Indonesia, Afrika Selatan, Vietnam, Jepun, Korea, Australia, Brunei, India, Thailand, Filipina, Singapura dan Uzbekkistan dan pelajar yang menyertai seramai 272 orang. Pusat Pembangunan dan Pengembangan Pelajar telah mengadakan 3 program yang melibatkan negara Mesir, Jordan, Indonesia dan Thailand dan pelajar yang terlibat seramai 158 orang.

Manakala Pejabat Antarabangsa pula telah mengadakan 2 program yang disertai oleh Negara Thailand dan Poland yang melibatkan penyertaan seramai 23 orang. Jadual 32 berikut merupakan ringkasan Program Mobiliti Pelajar Luar Negara Sepanjang Tahun 2014.

Jadual 34 : Program Mobiliti Pelajar Luar Negara Sepanjang Tahun 2014

Nama Program / Aktiviti	Tempat	Jumlah Pelajar
Latihan Industri Mobiliti Outbound Luar Negara	Universiti Kyushu, Jepun	3 Orang
Mobiliti Pelajar Outbound Ke Luar Negara (Singapura)	Singapura	264 Orang
Global Technology Outreach Program : London	London	15 Orang
Mobiliti Latihan Industri Pelajar Ijazah Sarjana Muda FKEE	Nagaoka Universiti Of Technology, Jepun	2 Orang
Mobiliti Latihan Industri Pelajar Ijazah Sarjana Muda FKEE	Universitas Brawijaya, Indonesia	5 Orang
Latihan Industri Outbound Politeknik Manufaktur Bandung	Indonesia	4 Orang
Latihan Industri Nagaoka Universiti Of Technology Niigata	Jepun	4 Orang
Mobiliti Outbound Pelajar FKMP Ke Jepun 2014	Jepun	20 Orang
Mobiliti Kejuruteraan Dan Teknologi Perindustrian FKMP Ke Korea	Korea	20 Orang
Latihan Mengajar	Indonesia	10 Orang
Mobiliti Festival Food & Hotel Asia	Singapura	33 Orang
Mobiliti Pelajar Outbound Ke Luar Negara (Kemboja)	Kemboja	50 Orang
Mobiliti Outbound Ke Summer Camp Universitas Padjadjaran, Indonesia	Indonesia	4 Orang
Mobiliti Pelajar Outbound Ke Luar Negara (Karimun)	Karimun, Indonesia	50 Orang
Mobiliti Pelajar Ke Victoria Dan Swinburne Universiti	Australia	40 Orang
Kempen Musim Panas Di Yamaguchi Universiti	Jepun	2 Orang
Mobiliti Pelajar Outbound Ke Luar Negara	Singapura	152 Orang
Seuntai Kasih Bandung Kelab Kaunseling Dan Kerjaya	Bandung, Indonesia	23 Orang
Student Leaders Outreach Programme Ke Korea Selatan	Korea	18 Orang
SUKMALINDO	Indonesia	135 Orang
Mobiliti Pelajar Inbound Mesir Jordan Ke UTHM	Mesir & Jordan	18 Orang
Mobiliti Pelajar Inbound Karimun, Indonesia Ke UTHM	Indonesia	60 Orang
Mobiliti Pelajar Inbound Thailand Ke UTHM	Thailand	80 Orang
Lawatan Dari Jagiellonian University In Krakow	Poland	16 Orang

Pelajar RELASIS Sertai Ujian Kemahiran Menembak RELA

100 pelajar Briged Siswa Siswi RELASIS bersama 20 orang Pegawai Kehormat (RELA) UTHM menjalani program Ujian Menembak RELA (UKMR) yang diadakan di Lapang Sasar, Pusat Latihan RELA Wilayah Selatan (PLRWS), Sungai Udang, Melaka. Latihan tersebut melibatkan penggunaan senjata Colt M-16 dan pistol Glock 9 mm melalui bimbingan Pegawai- pegawai RELA Daerah (PRD) negeri Johor dan pegawai bertugas dari Pusat Latihan RELA Wilayah Selatan (PLRWS) Sungai Udang Melaka.



Kor SISPA UTHM Menang Tempat Ketiga Dalam Majlis Pentauliah dan Perhimpunan Kebangsaan Kor SISPA



Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) UTHM berjaya memenangi tempat Ketiga secara keseluruhan di dalam Majlis Pentauliah dan Perhimpunan Kebangsaan Kor SISPA Kali Kelima Tahun 2014 yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kontinjen Kor SISPA UTHM diwakili oleh 110 orang ahli yang terdiri daripada 63 Pegawai Kadet SISPA, 37

Pegawai Bakal Tauliah serta 10 orang pegawai dan jurulatih. Dengan menyertai kesemua acara yang dipertandingkan, Kor SISPA UTHM telah berjaya menjadi johan di dalam Pertandingan "Menyelamat" manakala "Melawan Kebakaran" di tempat keempat dan "Pertolongan Cemas" serta "Pertandingan Kawad Kaki" masing-masing di tempat kelima.



Pencapaian Aktiviti Sukan Mahasiswa UTHM Sepanjang Tahun 2014

Mahasiswa UTHM turut bergerak aktif mengharumkan nama UTHM melalui bidang sukan. Penglibatan dan kejayaan yang dicapai mereka adalah seperti di Jadual 35 berikut;

Jadual 35 : Pencapaian Aktiviti Sukan Mahasiswa UTHM

BIL	SUKAN	KEJOHANAN DISERTAI	PENCAPAIAN
1.	Bola Sepak	Liga Bola Sepak IPT Div. 2	Tempat ke 7. Turun Div. 3 pada tahun 2015
2.	Futsal	Asean University Games (AUG) 2014 Kali Ke -17 (Palembang, Indonesia) 12-22 Disember 2014	Seorang atlit wanita UTHM telah berjaya terpilih mewakili Kontinjen Malaysia ke 17 th Asean University Games (AUG) 2014 di Palembang Indonesia pada 12-22 Disember 2014.
		Kej. Futsal IPT Piala Menteri Pengajian Tinggi 2014	Sirkuit Selatan Lelaki – Suku Akhir Wanita – Tempat ke 4 Sirkuit Tengah Utara Lelaki – Kumpulan Wanita – Tempat ke 3 Sirkuit Tengah Selatan Wanita – Johan Sirkuit Sarawak Lelaki – Johan Grand Final Lelaki – Kumpulan Wanita – Tempat ke 3
		MASUM Fasa 2	Wanita – Pingat Emas
		Kej. Futsal Parlimen Bt Pahat	Lelaki – Johan Wanita – Johan
3.	Bola Jaring	MASUM Fasa 1	Kumpulan
4.	Sepak Takraw	MASUM Fasa 1	Tempat ke 4
		SUKIPT	Suku Akhir
		Karnival Sepak Takraw UiTM / KPM	Tempat ke 3 & 4
		Kej. Sepak Takraw Terbuka Kulai	Tempat ke 3
6.	Tenpin Boling	MASUM	1 Gangsa
		SUKIPT	Penyertaan
		Piala Naib Canselor UTHM	-
7.	Bola Keranjang	MASUM Fasa 2	Kumpulan
		UBL Tournament	Pusingan Pertama
		BP Open	Tempat ke 4
8.	Ragbi	SUKIPT	Kumpulan
		Segamat 10	Separuh Akhir Bowl
		UTHM Combat 10	Separuh Akhir Cup

9.	Kayak	MASUM	1 Emas 1 Perak 1 Gangsa
		Regatta Kayak UPSI	1 Emas 1 Perak 1 Gangsa
		Varsity Boat Race	1 Perak
		Kenaboi International Challenge	Johan
		Kejohanan Kanu Kebangsaan	1 Emas 1 Perak 2 Gangsa
10.	Karate Do	MASUM Fasa 2	1 Perak 1 Gangsa
		SUKIPT	3 Gangsa
11.	Bola Tampar	MASUM Fasa 2	Lelaki – Tempat ke 3 Wanita – Kumpulan
		UNMC Open	Lelaki – Naib Johan
		UTM Open	Lelaki – Suku Akhir
		Pahang Open	Lelaki- Suku Akhir
		UTP Open	Lelaki - Johan
12.	Petanque	SUKIPT	Tiada pingat
		MASUM Fasa 1	1 Emas 1 Perak 1 Gangsa
		Petanque IPT Zon Selatan	2 Perak 1 Gangsa
		Petanque IPT Grand Final	Suku Akhir
15.	Badminton	SUKIPT	Kumpulan
		MASUM Fasa 1	Kumpulan
16	Hoki	MASUM Div 2	Lelaki- Johan Layak ke Div 1 2015
		Liga Johor	-
		MASUM Fasa 2	Wanita - Kumpulan
17.	Lawn Bowls	MASUM Fasa 2	1 Gangsa
18.	Olahraga	MASUM	1 Perak 3 Gangsa
		SUKIPT	2 Gangsa
		Keputeraan Sultan Johor	Tempat ke 2 & ke 5 Lelaki – Tempat ke 6
		Iskandar	Lelaki- No4
		Sultan Mahmud Bridge	Wanita – Tempat ke 7
19.	Pencak Silat	Asean University Games (AUG) 2014 Kali Ke -17 (Palembang, Indonesia) 12-22 Disember 2014	2 orang atlit UTHM telah berjaya terpilih mewakili Kontigen Malaysia ke 17 th Asean University Games (AUG) 2014 di Palembang Indonesia pada 12-22 Disember 2014.
		MASUM Fasa 1	1 Emas 2 Perak
		Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa piala TPM	3 Emas 1 Perak
		SUKIPT	2 Emas

20.	Taekwondo	MASUM Fasa 2	1 Perak 1 Gangsa
		SUKIPT	1 Gangsa
21.	Bola Baling	UM Handball Open	Lelaki – Separuh Akhir Wanita- Kumpulan
		UMT Handball Open	Lelaki – Kumpulan Wanita – Suku Akhir
24.	Memanah	MASUM Fasa 2	Tempat ke 11 keseluruhan recurve
		SUKIPT	Tempat ke 13 keseluruhan recuve
25.	Mendayung	Hong Kong Rowing Championship	2 Gangsa
		Sukan Air MASUM	5 Emas 4 Perak 1 Gangsa
		SEARF Singapura	1 Perak
		Head Of Putrajaya	2 Emas 1 Gangsa
		Varsity Boat Race	2 Emas 2 Gangsa
		Asia Rowing Cup	1 Gangsa
		Kej. Sportrec Kebangsaan	2Gangsa
		World Rowing Championship	Tempat ke 22 individu keseluruhan Dunia
26.	Sofbol	Masum Fasa 1	Lelaki - Tempat ke 3
		Open KPM	Lelaki – Johan
			Wanita – Johan



Pasukan UTHM Paddlers Juara Keseluruhan Rowing Lelaki dan Wanita Sukan Air MASUM 2014.

Karnival Sukan Air MASUM 2014 yang telah berlangsung pada 7 hingga 12 April 2014 bertempat di Kompleks Sukan Air Presint 6 Putrajaya menyaksikan Pasukan UTHM berada dalam kelas tersendiri apabila berjaya membawa pulang dua Trofi Juara Keseluruhan Rowing Lelaki dan Wanita 2014. Ini merupakan kali ketiga buat Pasukan UTHM muncul juara berganda setelah berjaya melakukannya pada tahun 2009 dan 2011 sejak pertama kali menyertai sukan rowing pada tahun 2008. Semangat dan perjuangan para atlit UTHM Paddlers dalam Sukan MASUM

Rowing dan Kayak 2014 menjadi tunggak utama kejayaan Pasukan Rowing UTHM apabila berjaya membawa pulang semua pingat yang dipertandingkan bagi kategori rowing lelaki dan wanita. Pasukan UTHM telah berjaya membawa pulang lima pingat emas lima perak dan dua gangsa. Bagi acara Kayak Pasukan UTHM juga tidak menghampakan apabila berjaya membawa pulang satu pingat emas, satu perak dan satu gangsa daripada lapan acara yang dipertandingkan.

Kejohanan 10th Chinese University of Hong Kong

Pasukan Mendayung Lelaki dan Wanita UTHM muncul antara tiga pasukan terbaik dalam Kejohanan 10th Chinese University of Hong Kong Rowing Championship Asean Universities Invitation Race 2014 yang telah berlangsung di Jockey Club Shek Mun Rowing Centre pada 22 hingga 27 Januari 2014. Pasukan UTHM merupakan wakil tunggal dari Institut Pengajian Tinggi yang mewakili Malaysia dalam kejohanan yang turut disertai oleh wakil-wakil universiti dari Hong Kong, China dan Jepun. Kejayaan meraih dua pingat gangsa bagi dua kategori yang disertai iaitu women 4+ dan men 8+ sudah cukup untuk menarik perhatian pasukan-pasukan lain dalam kejohanan ini.

UTHM Tuan Rumah Sukan Universiti Malaysia-Indonesia (SUKMALINDO) 2014

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah dipilih menjadituan rumah sempena penganjuran Sukan Universiti Malaysia-Indonesia (SUKMALINDO) 2014 yang diadakan pada 28 Ogos hingga 31 Ogos 2014. Kejohanan yang dianjurkan secara dwi tahunan ini telah mempertandingkan lima acara sukan iaitu Badminton Berpasukan, Hoki Wanita, Sepak Takraw, Bola Tampar (Lelaki dan Wanita) serta Futsal Lelaki dan aktiviti seminar yang melibatkan hampir 250 orang pelajar Institut Pengajian Tinggi Malaysia dan Indonesia.




PERHUBUNGAN DAN KEMAJUAN ALUMNI

STATISTIK ALUMNI 2014

Pada tahun 2014 bilangan graduan UTHM berjumlah 27,259 orang daripada jumlah tersebut 24,293 adalah telah bergelar alumni

UTHM. Sehingga berakhir tahun 2014 Pihak CARE telah berjaya mengesan alumni UTHM berjumlah 13,222 daripada jumlah keseluruhan alumni.



Rajah 13: Statistik Alumni Sehingga Disember 2014

STATISTIK KAJIAN PENGESANAN GRADUAN UTHM 2014

Jadual 36 menunjukkan statistik bilangan graduan UTHM iaitu 3,477 graduan yang telah menjawab kajian pengesanan graduan yang telah dilaksanakan oleh KPM dalam tempoh 6 bulan

sebelum konvokesyen. Daripada jumlah tersebut seramai 3,354 graduan telah menjawab kajian tersebut iaitu bersamaan dengan 96.46 %.

Jadual 36 : Statistik Kajian Pengesanan Graduan UTHM 2014

Graduan	Responden	Kadar Respons
3,477	3,354	96.46
3,477	3,354	96.46

Jadual 37: Status Pekerjaan Graduan UTHM 2014

Status Pekerjaan	Bil	%
Bekerja	1,574	46.93
Melanjutkan Pengajian	749	22.33
Meningkatkan Kemahiran	66	1.97
Menunggu Penempatan Pekerjaan	115	3.43
Belum Bekerja	850	25.34
Jumlah	3,354	100

**** Status Pekerjaan ini adalah secara keseluruhan dan ia tidak tertakluk kepada graduan melebihi 6 bulan selepas tarikh sah senat sahaja**

Jadual 37 menunjukkan pecahan graduan mengikut status pekerjaan daripada jumlah keseluruhan graduan yang telah menjawab kajian. Seramai 1574 graduan telah mendapat pekerjaan iaitu bersamaan 46.93% manakala graduan yang belum bekerja adalah 850 graduan iaitu bersamaan 25.34%. Daripada statistik ini juga graduan UTHM tidak bekerja

adalah disebabkan mereka sedang melanjutkan pengajian yang lebih tinggi dan juga mengikuti latihan meningkat kemahiran yang masing-masing mewakili 22.33% dan 1.97%. Graduan yang masih menunggu penempatan pekerjaan adalah seramai 115 orang yang mewakili 3.43% sahaja.

Jadual 38 pula menunjukkan penempatan graduan mengikut sektor pekerjaan masing-masing. Daripada jumlah itu, pekerjaan di sektor swasta tempatan yang paling ramai dipilih oleh

graduan iaitu 46.70%. Diikuti sektor kerajaan iaitu 16.33% dan yang ketiga tinggi adalah di sektor swasta syarikat Multinasional iaitu 17.34%.

Jadual 38 : Penempatan Pekerjaan Mengikut Sektor

Sektor Pekerjaan	Bil	%
Kerajaan	257	16.33
Badan berkanun	70	4.45
Swasta Multinasional	273	17.34
Swasta Tempatan	735	46.70
Perusahaan sendiri	106	6.73
Lain-lain	14	0.89
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	52	3.30
Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	67	4.26
Jumlah	1,574	100

SENARAI AKTIVITI ALUMNI 2014

Pada tahun 2014 pejabat CARE telah merancang dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang berhubung kait dengan hubungan bersama alumni dan peningkatan kerjaya alumni. Sebahagian aktiviti adalah hasil

usaha dan kerjasama daripada Fakulti-Fakulti, Persatuan Alumni UTHM (UTHMa) dan Sekretariat Alumni UTHM (UTHMas). Antara aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2014 adalah seperti **Jadual 39** berikut;

Jadual 39 : Aktiviti Alumni Tahun 2014

AKTIVITI	TARIKH	BIL PESERTA
Bengkel SKT UTHMas	14 – 15 Mac 2014	12
Kursus Pemantapan & Pengurusan Organisasi	3-6 April 2014	80
Annual Grand Dinner UTHMas	19 Feb 2014	200
Program Bersamamu Alumni	1 Okt 2014	5
Majlis Penyampaian Penganugerahan GE	23 Julai 2014	200
Jalinan Muhibbah Alumni 2014	Ogos, Sept 2014	50
Jelajah Industri Alumni ke SIRIM	23 Julai 2014	10
Bengkel Tracer Study	9-11 April 2014	25
Mesyuarat Agung UTHMas	8 Mac 2014	200
Kejohanan Sukan UTHMas	8 Mac 2014	150
Program Pra Alumni 2014 Siri 1	(Mei 2014)	
- FKEE	18 Mei 2014	464
- FKMP	22 Mei 2014	300
- FPTP	19 Mei 2014	20
- FPTV	21 Mei 2014	72
- FSKTM	27 Mei 2014	200
- FKAAS	25 Mei 2014	400

Program Inspirasi Alumni	6 Okt 2014	3000
Program Pra Alumni 2014, Siri 2	(Dis 2014)	
- PPD	20 Dis 2014	250
- FPTP	10 Dis 2014	400
- FPTV	7 Dis 2014	70
- FKAAS	11 Dis 2014	130
- FKMP	18 Dis 2014	300
- FKEE	16 Dis 2014	120
Persidangan Penyelidikan & Inovasi (PePIN)	1-4 Dis 2014	200
Pelancaran Aplikasi Android & E- Buletin CARE sempena Majlis Iftar Alumni 2014	23 Julai 2014	200
Kursus Komunikasi Pemasaran UTHMas	21-22 Nov 2014	40
Garage Sales UTHMas	11-13 Nov 2014	200
Program Keboleherjaan Graduan (GE) 2014		
- "Skill Enhancement Certification – IBS Lightweight Concrete Block	17-23 Okt 2014	50
- Non Distructive Testing – Ultrasound (NDT)	2-22 Julai 2014	25
- Program peningkatan Kebolehpasaran Graduan Sijil Professional "Oil & Gas Safety Passport" (OGSP)	5 Feb 2014	50
- Sijil Profesional DOSH – Safety And Health Officer	9 Feb – 19 Mac 2014	45
- Kursus Catia Fundamental & Advanced	22 – 26 Jan 2014	22
- SKM Tahap 1 "Civil and Structural Engineering Draughtman"	27 Jan – 24 April 2014	15
- Sijil Profesional "Solid Work"	5 – 21 Feb 2014	50



Sekitar Aktiviti Alumni UTHM

PROGRAM BERSAMAMU ALUMNI @ABDUL MUIZ BIN MOHAMAD

Pada 12 Februari 2014, Program Bersamamu Alumni telah melawat saudara Muizz dan menyampaikan sumbangan daripada warga UTHM. Lawatan susulan kedua oleh CARE pada 23 Mac 2014 adalah untuk mengetahui perkembangan tahap kesihatan beliau serta ingin memprotrektkan sesi gambar berjubah konvokesyen bagi merealisasikan impian saudara Muiz sebagai graduan menara gading sebagai satu kenangan sebagaimana permintaan daripada keluarga beliau.



PROGRAM BERSAMAMU ALUMNI @MOHD SHAARI MOHD SHAFIEE

Ekoran dari rintihan penderitaan penyakit kanser darah yang dialami oleh Mohd. Shaarie Mohd. Shafiee, pihak CARE telah membuat satu lawatan ke kediaman Mohd. Shariee yang terletak di Kampung Kemasek, Kemaman, Terengganu pada 1 Oktober 2014. Pihak CARE telah menyampaikan sumbangan hasil daripada kutipan derma alumni.



PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN ALUMNI

Sistem Aplikasi Android Alumni UTHM



Pihak CARE telah mewujudkan satu mekanisme menyampaikan info terkini kepada para alumni dengan membangunkan sistem Aplikasi Android Alumni. Dimana aplikasi ini boleh dimuat turun di Play store & Google Play yang mudah diakses oleh semua yang menggunakan telefon pintar. Dengan adanya aplikasi ini semua alumni atau graduan boleh menerima info terkini

berkaitan alumni dan informasi UTHM dengan cepat dan pantas. Aplikasi ini merupakan yang pertama diperkenalkan di IPTA dan UTHM adalah pelopornya. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi KPM.

Pusat Sehenti Kerjaya “Karier-IPT One Stop Centre”

Pihak CARE telah mewujudkan satu Pusat Sehenti Kerjaya dengan kerjasama dengan pihak JobHouse Sdn Bhd. Pusat ini bertanggungjawab dalam memberi perkhidmatan pencarian pekerjaan kepada bakal graduan UTHM. Bakal Graduan UTHM yang akan tamat pengajian mereka dan masih mencari pekerjaan yang bersesuaian Pusat ini akan membantu mereka

untuk mendapatkan pekerjaan mengikut bidang masing-masing. Pihak JobHouse tiada mengenakan caj pada pelajar dan juga universiti dan perkhidmatan ini adalah percuma. Dengan wujudnya pusat ini ianya akan membantu meningkatkan peratusan Kebolehpasaran Graduan UTHM.

JARINGAN INDUSTRI & HUBUNGAN KOMUNITI

Projek Rakan Komuniti UTHM Di Pasir Gudang



Menteri Besar Johor, Dato' Mohamed Khaled Nordin telah merasmikan program khidmat masyarakat "University Community Engagement" (UCE) pada 23 Mei 2014 bertempat di Taman Cendana, Pasir Gudang, Johor Darul Ta'zim. Program ini mendapat kerjasama daripada Pejabat Menteri Besar Johor, Pejabat Daerah Johor Baru dan Majlis Perbandaran Pasir

Gudang. Program ini dijalankan selama dua tahun dengan bertemakan kepimpinan, kesukanan, pendidikan, kebersihan, kesihatan, keselamatan, kerohanian, kemahiran, fizikal dan ekonomi. Projek ini bermatlamatkan untuk menjadikan Taman Cendana sebagai taman contoh dengan mendapat persijilan MS ISO 9001:2008 serta Sijil Amalan 5S.

Sesi Ramah Mesra YB Menteri Pendidikan II Bersama Rakan Industri UTHM



Sempena Lawatan Kerja Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Hj. Idris bin Jusoh ke UTHM telah diadakan satu Sesi Ramah Mesra Bersama Rakan Industri UTHM bertempat di Office of Industry Partners, Bilik Kristal UTHM. Antara Rakan Industri



UTHM yang terlibat dalam sesi ini adalah Miaow Miaow Food Products Sdn Bhd, Mega Labels and Stickers Sdn Bhd, Mixbox Furniture Sdn Bhd serta pengusaha pisang salai yang mewakili Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Parit Raja.

Majlis Ramah Mesra Bersama Pemimpin Masyarakat & Sektor Pendidikan

Bagi memastikan hasrat untuk menjadi sebuah Universiti yang disegani, UTHM sentiasa berusaha mewujudkan jaringan komunikasi dan kerjasama bersama pemimpin serta agensi-agensi pendidikan setempat. Penganjuran majlis ini

merupakan platform terbaik untuk kedua-dua belah pihak membincang dan melaksanakan program kerjasama dan usahasama yang boleh memberi manfaat demi kemajuan negara dan masyarakat.



Program “University Community Engagement” (UCE) di Pusat Transformasi Luar Bandar (Mini RTC) Desa Temu Jodoh, Chaah

Seramai 95 pelajar UTHM yang terdiri daripada Majlis Perwakilan Pelajar dan anggota Kor Sukarelawan Siswa Siswi (Kor SUKSIS) telah menyertai program “University Community Engagement” (UCE) di Pusat Transformasi Luar Bandar (Mini RTC) Desa Temu Jodoh, Chaah pada 15 hingga 17 Mei 2014. Program dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini merupakan salah satu daripada beberapa siri program UCE yang telah dirancang oleh UTHM di beberapa Mini RTC terpilih peringkat negeri Johor. Penganjuran program ini adalah bertujuan untuk menyahut hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meningkatkan nilai-nilai keusahawanan, kepimpinan, inovasi, warganegara cemerlang di kalangan mahasiswa di samping membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tiga hari program berlangsung antaranya aktiviti khidmat masyarakat, “English



Learning” dan “Speed Memory” di Sekolah Kebangsaan Desa Temu Jodoh, pemeriksaan kesihatan oleh Pusat Kesihatan Universiti, sesi kerohanian oleh Pusat Islam UTHM dan juga aktiviti kebudayaan, sukan dan rekreasi bersama keluarga angkat serta masyarakat setempat.

Sebaran Kasih 2014

Bagi melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) UTHM melalui Program “Sebaran Kasih 2014” telah menghulurkan beberapa sumbangan kepada masyarakat sekitar negeri Johor, Kedah dan Pahang bermula 11 Mei hingga 23 Julai 2014. Program “Sebaran Kasih 2014” dengan kerjasama Kelab Rekreasi dan Kebajikan Staf FKMP (MECHCLUB), Pejabat Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) dan Persatuan Pensyarah dan Pengajar UTHM (PERKASA) ini merupakan program kali kedua dianjurkan setelah mendapat sambutan yang menggalakkan pada tahun sebelumnya. Program ini diadakan bertujuan untuk mendekati, membantu dan mengurangkan beban golongan yang kurang berkemampuan serta memerlukan bantuan dan sokongan orang ramai.

Bertemakan “Kasih Ramadhan dan Inisiatif Wakaf”, program Sebaran Kasih turut dilaksanakan di beberapa kawasan sekitar Batu Pahat. Aktiviti ziarah dan pengagihan beberapa bentuk sumbangan yang melibatkan hampir 60 buah rumah serta 10 masjid dan surau sekitar Parit Raja, Ayer Hitam, Parit Yaani, Parit Besar, Bindu dan Pancor turut diadakan. Turut diadakan aktiviti “Yok Monjong” iaitu aktiviti mengagihkan makanan, wang sumbangan dan



keperluan harian kepada golongan fakir miskin, kurang berkemampuan dan mangsa bencana. Kemuncak program ini menyaksikan penganjuran majlis Iftar Perdana yang melibatkan hampir 700 golongan fakir, warga emas, ibu tunggal, Orang Kelainan Upaya (OKU), pelajar kurang berkemampuan, anak yatim, serta mualaf sekitar daerah Batu Pahat.

Jalinan UTHM Bersama Sekolah Kluster

Empat buah sekolah kluster sekitar negeri Johor telah menyertai program “Jalinan UTHM Bersama Sekolah Kluster” anjuran Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan (FSTPi) UTHM. Program khidmat masyarakat dengan kerjasama Pejabat Hubungan Universiti dan Masyarakat ini melibatkan penyertaan seramai 80 pelajar tingkatan empat beserta lapan guru pengiring dari Sekolah Menengah Kebangsaan (A) Segamat, Sekolah Menengah Kebangsaan (A) Bandar Penawar, Sekolah Menengah (P) Sultan Abu Bakar, Muar, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Putra, Kulaijaya.

Penganjuran program ini juga bertujuan untuk memberi lebih pendedahan dan peluang kepada staf fakulti untuk lebih mendekati masyarakat sekeliling. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mempromosi UTHM kepada masyarakat luar terutama kepada para pelajar dari sekolah kluster yang akan melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana muda. Program



diisi dengan aktiviti ceramah yang bertajuk “Aplikasi Matematik dalam Kehidupan Sehari-hari”, “pembelajaran kepada pengenalan perisian matematik Matcad dan Maple” dan aktiviti berkumpulan bertajuk “Program Regresi Matematik”. Pelajar turut dibawa melawat ke makmal-makmal Matematik untuk membolehkan mereka mempelajari sesuatu yang baru sekali gus berupaya menarik minat mereka terhadap subjek matematik ini.

Industrial and Career Talk UTHM

Program ini telah dijalankan bertempat di Dewan 2, Dewan 3, Dewan 4 dan Dewan 5 UTHM yang melibatkan beberapa industri terpilih seperti :-

- 1) Western Digital (M) Sdn Bhd
- 2) Infineon Technologies (M) Sdn Bhd
- 3) Mega Labels & Stickers Sdn Bhd
- 4) BP Plastics Sdn Bhd
- 5) IFFCO (Malaysia) Sdn Bhd
- 6) Synthomer Sdn Bhd

Antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi 'industrial talk' dan sesi temuduga terbuka yang melibatkan seramai 120 orang pelajar tahun akhir daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dan Fakulti Kejuruteraan

Senarai Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA) dan Surat Hasrat (LoI) Yang Ditandatangani Oleh UTHM Tahun 2014

Pada tahun 2014, sejumlah 27 MoU, 3 MoA dan 5 LoI yang ditandatangani oleh UTHM dengan pelbagai Institusi, Agensi dan Syarikat dalam dan luar negara. Kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan ini meliputi pelbagai disiplin kejuruteraan, sains, teknologi, pendidikan serta penerbitan.

Jadual 40: Senarai Memorandum Persefahaman (MoU) 2014

Bil	INSTITUSI / AGENSI / SYARIKAT	BIDANG KERJASAMA
1	FUJITSU COMPONENT (M) SDN BHD	Akademik Dan Penyelidikan
2	GATES IT SOLUTIONS SDN BHD	Bidang Teknologi Maklumat
3	SOLID WASTE AND PUBLIC CLEANSING MANAGEMENT CORPORATION	Penyelidikan Dan Perundingan Dalam Bidang Kitar Semula Dan Pengurusan Sisa Pepejal
4	NARESUAN UNIVERSITY, THAILAND	Akademik Dan Penyelidikan
5	UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG	Akademik Dan Penyelidikan
6	THE ASIAN INSTITUTE OF TECHNOLOGY, THAILAND	Akademik Dan Penyelidikan
7	AMPLE GREEN COATING ENTERPRISE SDN BHD	Penyelidikan Dan Pemindahan Ilmu Dalam Bidang Sains Dan Teknologi
8	UM POWER ENERGY DEDICATED ADVANCED CENTER (UMPEDAC)	Penyelidikan Bidang Kejuruteraan Tenaga Kuasa
9	UNIVERSITAS HASANUDDIN, INDONESIA	Akademik Dan Penyelidikan
10	UNIVERSITY COLLEGE OF TECHNOLOGY SARAWAK	Akademik Dan Penyelidikan Tanah Lempur
11	SCOMI RAIL BERHAD	Akademik Dan Penyelidikan Bidang Kejuruteraan Rel
12	SALUTARY AVENUE MANUFACTURING SERVICES SDN BHD	Akademik Dan Penyelidikan Bidang Kejuruteraan Mekanikal
13	DREAMEDGE SDN BHD	Akademik Dan Penyelidikan Bidang Kejuruteraan Rel
14	NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (NIOSH)	Penyelidikan Keselamatan Pekerjaan
15	ELVIRA SYSTEMS SDN BHD	Akademik Dan Penyelidikan Bidang Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
16	TIGERS POLYMER (M) SDN BHD	Penyelidikan Kejuruteraan Tanah Lempur
17	HEWLETT-PACKARD (M) SDN BHD	Akademik Dan Latihan Bidang ICT
18	TECHNOLOGY EDUCATION LEADER SDN BHD	Akademik Dan Latihan Bidang ICT
19	UNIVERSITAT BREMEN, GERMANY	Akademik
20	UNIVERSITAS KATOLIK PARAHYANGAN, INDONESIA	Akademik Dan Penyelidikan
21	MALAYSIAN AIRLINES SYSTEM BERHAD	Kejuruteraan Aeronautik
22	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	Penyelidikan Sains Dan Teknologi
23	UNIVERSITI MALAYA	Penyelidikan Sains Dan Teknologi
24	UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA	Penyelidikan Sains Dan Teknologi
25	UNIVERSE DIGITAL LIBRARY SDN BHD	Penyelidikan Sains Dan Teknologi
26	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA	Penerbitan
27	JABATAN PERANGKAPAN MALAYSIA	Statistik

**Jadual 41:** Senarai Memorandum Perjanjian (MoA) 2014

Bil	INSTITUSI / AGENSI / SYARIKAT	BIDANG KERJASAMA
1	MALAYSIAN SOFTWARE TESTING BOARD	Akademik Dan Latihan ICT
2	TOPAZ INTEGRATED TECHNOLOGY SDN BHD	Penyelidikan Bidang Kejuruteraan Automotif
3	EURO AUTO GAS CO. LTD.	Penyelidikan Bidang Kejuruteraan Automotif

Jadual 42: Senarai Letter of Intent (LoI) 2014

Bil	INSTITUSI / AGENSI / SYARIKAT	BIDANG KERJASAMA
1	UNIVERSITAS HASANUDDIN, INDONESIA	Akademik Dan Penyelidikan
2	KONG ZI INSTITUTE, UNIVERSITI MALAYA	Akademik Dalam Pengajian Bahasa Mandarin
3	FOUNDATION OF TECHNICAL EDUCATION, IRAQ	Akademik Dan Penyelidikan
4	MIDDLE TECHNICAL UNIVERSITY, IRAQ	Akademik Dan Penyelidikan
5	SOUTHERN TECHNICAL UNIVERSITY, IRAQ	Akademik Dan Penyelidikan

Majlis Menandatangani MoU UTHM – Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam (PPSPPA)



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan di antara UTHM dengan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam (PPSPPA) bertempat di Sekolah Menengah Dato' Penggawa Barat, Pontian. Majlis Menandatangani MoU ini diadakan bersempena Majlis Pelancaran Kelab Kitar Semula di Sekolah-Sekolah Negeri Johor anjuran PPSPPA. Majlis MoU ini diadakan ini bagi menjalinkan hubungan kerjasama di antara kedua belah pihak terutama dalam bidang penyelidikan kejuruteraan. Pemeeteraian ini merupakan yang pertama dilaksanakan oleh PPSPPA dengan mana-mana IPTA di Malaysia.

Majlis Menandatangani MoU UTHM dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Naresuan University, Thailand



Pada 10 April 2014 satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan di antara UTHM dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Naresuan University, Thailand bertempat di Bilik Bankuet, Dewan Sultan Ibrahim, UTHM. Majlis MoU UTHM - UMP ini diadakan ini bagi menjalinkan hubungan kerjasama di antara kedua belah pihak terutama dalam bidang penyelidikan kejuruteraan dan program pertukaran pelajar. Majlis MoU UTHM – Naresuan University ini diadakan bagi menjalinkan hubungan kerjasama di antara kedua belah pihak terutama dalam bidang akademik dan program pertukaran pelajar.

Majlis Menandatangani MoU UTHM – Power Energy Dedicated Advanced Centre (UMPEDAC), Universiti Malaya

Pada 10 Mei 2014 satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan di antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan UMPEDAC, Universiti Malaya bertempat di Bilik Jamuan Auditorium, Bangunan Canselori UTeM. Majlis ini diadakan bersempena Majlis Perasmian 2nd Power and Energy

Conversion Symposium (PECS 2014) anjuran bersama MTUN dan UMPEDAC, Universiti Malaya. Majlis MoU UTHM - UMPEDAC ini diadakan ini bagi menjalinkan hubungan kerjasama di antara kedua belah pihak terutama dalam bidang penyelidikan 'Renewable Energy'.



Majlis Menandatangani MoU UTHM

- 1) University College of Technology Sarawak (UCTS)
- 2) Scomi Rail Berhad
- 3) Salutory Avenue Manufacturing Services Sdn Bhd
- 4) Dream EDGE Sdn Bhd
- 5) Elvira Systems Sdn Bhd
- 6) National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)
- 7) Hewlett Packard (M) Sdn Bhd & Technology Education Leader Sdn Bhd



Pada 20 Ogos 2014 satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan di antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan beberapa Rakan Industri bertempat di Dewan Tunku Mahkota Ibrahim Ismail, UTHM. Majlis ini diadakan bersempena Majlis Perasmian UTHM-Industry Open Day 2014 yang telah disaksikan oleh Dato' Dr. Mohd Azhar bin Hj Yahya, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) mewakili Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Majlis Menandatangani MoU ini dibahagikan kepada lima (5) bidang utama iaitu :-

- 1) Bidang Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar
MOU UTHM – UCTS
- 2) Bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
MOU UTHM – Elvira Systems Sdn Bhd
- 3) Bidang Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
MOU UTHM – DreamEDGE Sdn Bhd
MOU UTHM – Salutory Avenue Manufacturing Services Sdn Bhd
- 4) Bidang Teknologi Kejuruteraan
MOU UTHM – NIOSH
- 5) Bidang Sains Komputer & Teknologi Maklumat
MOU UTHM – HP-TEL

Majlis Penyerahan MoU UTHM dengan

- 1) Universiti Malaya
- 2) Universiti Teknologi Malaysia
- 3) Universiti Sains Islam Malaysia
- 4) Universe Digital Library Sdn Bhd

Pada 20 November 2014 satu Majlis Penyerahan Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan di antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Rakan Industri bertempat di Dewan Al-Farabi, Pusat Islam, UTHM. Majlis ini diadakan bersempena Majlis Pelancaran Pusat Sumber Digital, Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Klinik Terapi Kerohanian Solat Sempurna dan Simulasi Haji yang telah disaksikan oleh YB Dato' Seri Hj. Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan II.

Majlis Menandatangani MoU UTHM – Malaysian Airlines System Berhad (MAS)

Pada 2 November 2014 satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan di antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan Malaysian Airlines System Berhad (MAS) bertempat di Dewan Tunku Ismail Ibrahim, UTHM. Majlis Menandatangani MoU ini diadakan bersempena Majlis Bicara Pemimpin Bersama YB Menteri Pendidikan II. Majlis MoU ini diadakan ini bagi menjalinkan hubungan kerjasama di antara kedua belah pihak terutama dalam program kebolehpasaran graduan UTHM dalam bidang penerbangan professional.




Majlis Menandatangani Letter of Intent (LoI) bersama Foundation of Technical Education (FTE), Iraq

Pada 17 November 2014 satu Majlis Menandatangani Letter of Intent (LoI) telah diadakan di antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan Foundation of Technical Education (FTE), Iraq bertempat di Dewan Makan, Aras 5, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM. Majlis ini diadakan ini bagi menjalinkan hubungan kerjasama di antara kedua belah pihak terutama dalam bidang teknikal dan vokasional melalui Kementerian Pengajian Tinggi di Iraq.



PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN PERKEMBANGAN KAMPUS PAGOH



PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN PERKEMBANGAN KAMPUS PAGOH

UTHM menerima sejumlah RM28,000,000.00 peruntukan pembangunan pada tahun 2014. Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:

Peruntukan diterima	RM 28,000,000.00
Perbelanjaan	RM 7,117,217.00
Baki Peruntukan	RM 20,882,783.00
Peratusan Perbelanjaan	25%

Penyambungan projek pembangunan yang dilaksanakan dan prestasi pembangunan pada tahun 2014 adalah seperti berikut;

- 1) Pusat Latihan Staf dan Pusat Kegiatan Luar Pelajar (PUSKEP) di Tanjung Laboh



Pelaksana	:	UTHM
Jenis Tender	:	Tender Terbuka
Tarikh Mula	:	01 / 6 / 2013 - 22 / 11 / 2014
Tarikh Siap	:	EOT No. 1 : 9 Januari 2015
Nama Kontraktor	:	KOSMO SETEGAS SDN BHD
Kos Projek	:	RM 11,844,037.28
Kemajuan Kerja (J / S)	:	100%-(68%) (-32%)
Status	:	Kerja-kerja kemas akhir bangunan sedang dijalankan

- 2) Kompleks Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Asas Tani.



Pelaksana	:	UTHM
Jenis Tender	:	Tender Terbuka
Tarikh Mula	:	13 / 2 / 2012 - 16 / 06 / 2013
Tarikh Siap	:	EOT No. 2 : 3 Dis 2013
Nama Kontraktor	:	WARISAN HARMONI SDN BHD
Kos Projek	:	RM 7,600,000.00
Kemajuan Kerja (J / S)	:	100 %
Status	:	Pembangunan fizikal telah disiapkan tetapi kerja-kerja pengujian dan perakuan masih sedang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan.


3) Bangunan Sub Station di Pusat Penyenggaraan Alat, Kementerian Pendidikan Malaysia



Pelaksana	:	UTHM
Jenis Tender	:	Tender Terbuka
Tarikh Mula	:	20/5/2013
Tarikh Siap	:	21/7/2013
Nama Kontraktor	:	NORMIE IDHAM ENTERPRISE
Kos Projek	:	RM 418,190.90
Kemajuan Kerja (J / S)	:	100%
Status	:	Pembangunan fizikal telah disiapkan tetapi kerja-kerja pengujian dan perakuan masih sedang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan.



4) Pembinaan Hab Pendidikan Tinggi Pagoh – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



NAMA PROJEK	:	HAB PENDIDIKAN TINGGI PAGOH KAMPUS UTHM PAGOH
LOKASI PROJEK	:	LADANG LANADRON PAGOH BERHAMPIRAN LEBUHRAYA UTARA SELATAN
SKOP PROJEK	:	KEMUDAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN, KEMUDAHAN SOKONGAN DAN AKADEMIK, KEMUDAHAN GUNASAMA
KOS PROJEK	:	RM 382,671,823.00
KELUASAN TANAH	:	JUMLAH KESELURUHAN KELUASAN TANAH 170.07 EKAR - KELUASAN PEMBANGUNAN 65.97 EKAR
KELUASAN RUANG LANTAI	:	93,887 M2
JENIS TENDER	:	PFI
TARIKH MULA	:	2 MEI 2014
TARIKH DIJANGKA SIAP	:	30 JUN 2016
NAMA KONTRAKTOR	:	SIME DARBY PROPERTY SELATAN SDN. BHD
STATUS	:	KERJA MENAIKKAN KOMPONEN IBS , LANTAI, TIANG DAN DINDING KEMAJUAN DITAPAK =26.80%

PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH (PTTA)

PTTA UTHM menyediakan koleksi rujukan yang membuat rujukan. Sehingga 31 Disember 2014, pelbagai kepada para pengguna untuk jumlah koleksi PTTA UTHM adalah seperti berikut:

Kategori	Jumlah
Buku/Monograf (Akses Terbuka)	209,570 naskah
Rujukan (Kamus, Ensiklopedia, Handbook, Manual, dan sebagainya)	9,370 naskah
Audio-Visual	27,435 naskah
Tesis	11,425 naskah
Majalah	48 judul
Jurnal Akademik	38 judul
Jurnal Elektronik	469 judul
JUMLAH	258,355 bahan

PANGKALAN DATA ATAS TALIAN

Pangkalan data atas talian adalah salah satu kemudahan yang disediakan oleh PTTA UTHM bagi memenuhi keperluan akademik di Universiti. Subjek bidang yang disediakan dalam pangkalan data ini meliputi bidang kejuruteraan, sains, pengurusan, ekonomi, pendidikan, IT dan teknologi. Akses pangkalan data ini adalah secara atas talian dan boleh dicapai oleh pengguna di sekitar kawasan

UTHM. Pangkalan data ini menyediakan akses teks penuh yang boleh dibuka melalui format PDF atau HTML. Sehingga Disember 2014, PTTA UTHM telah melanggan beberapa pangkalan data dan pecahan pangkalan data tersebut adalah seperti di **Jadual 41**:

Jadual 41 : Pangkalan Data Atas Talian

BIL.	JENIS	JUDUL
1.	JURNAL ATAS TALIAN	1. ACM Digital Library 2. H.W Wilson Applied Science & Technology full Text * General Science Full Text 3. ASCE (A merican Society of Civil Engineers) 4. ASME (American Society of Mechanical Engineers) 5. Academic Search Premier: EbscoHost 6. Emerald Management Xtra 7. Ei Engineering Village2 8. IEEE Xplore 9. INSPEC 10. IOP (Institute of Physics)Electronical Journal 11. MathScience 12. ProQuest Education Journal 13. Science Direct 14. SpringerLINK 15. SCOPUS 16. American Physical Society (APS) 17. AVS - Science & Technology of Materials, Interfaces and Processing 18. SAE International Scholarly Journals
2.	THESIS /DISSERTATION	19. ProQuest Dissertation & Thesis

3.	E-BOOK	20. EngnetBase 21. OCLC Netlibrary 22. E-brary 23. Knovel
4.	E-NEWSPAPER	24. Bernama BLIS
5.	STANDARDS & PATERN	25. Malaysian Standards Online (MS ONLINE) 26. British Standard Online (BSOL) 27. Delphion and Delwent 28. ASTM - American Society for Testing and Materials
6.	LAIN -LAIN	29. Book Finder Online 30. OCLC WorldCat 31. 360 Serial Solution 32. Turnitin
7.	E-LAW	33. PNMB LawNet 34. LabourLawBox

JURNAL ELEKTRONIK

Sehingga Disember 2014, sebanyak 469 judul jurnal berada di dalam koleksi PTTA UTHM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 384 judul disediakan pautan dalam versi elektronik yang boleh di akses secara teks penuh manakala

85 judul adalah dalam bentuk bercetak. Judul elektronik ini boleh dicapai di dalam kawasan kampus dan menggunakan eZproxy bagi luar kampus.

BUKU ELEKTRONIK

PTTA UTHM telah melanggan empat (4) pangkalan data yang menyediakan kemudahan e-buku iaitu EngnetBase, OCLC Netlibrary, E-brary dan Knovel. Sebanyak 97,643 judul e-buku telah disediakan dan boleh diakses

oleh pengguna 24 jam sehari, 7 hari seminggu. e-buku ini menggunakan format PDF, dan boleh diakses di dalam kawasan kampus dan luar kampus dengan menggunakan eZproxy.

PROGRAM LATIHAN DAN PEMBANGUNAN

Sepanjang tahun 2014, Akademi Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) UTHM, telah menjalankan sebanyak 8 program Kelas Kemahiran Maklumat kepada para pelajar Pasca Ijazah (Sarjana/PhD) berdasarkan permohonan yang

melibatkan seramai 160 orang pelajar. Bagi pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda, pihak PTTA UTHM berjaya mengumpul 2,064 orang pelajar daripada 39 sesi Kelas Literasi Maklumat sebagaimana butiran jadual di bawah;



KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT – PELAJAR PASCA IJAZAH

Tarikh	Fakulti	Jumlah Pelajar
28 Januari	Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan	20
10 Mac	Fakulti Kejuruteraan Aawam & Alam Sekitar	19
12 Mac	Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional	32
16 Mac	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	34
03 April	Pusat Pengajian Siswazah	15
22 September	Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan	15
28 September	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	6
20 November	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional	19

KELAS LITERASI MAKLUMAT – PELAJAR DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA MUDA

TARIKH	PROGRAM	JUMLAH
Julai 2014	Diploma	578
September 2014	Ijazah Sarjana Muda	1,486

PROGRAM PEMBANGUNAN STAF PERPUSTAKAAN

Bagi memastikan staf PTTA mempunyai kemahiran yang diperlukan sesuai dengan perkembangan sistem pendidikan masa kini, PTTA turut menganjurkan kursus kemahiran tertentu kepada staf. Senarai kursus yang dijalankan adalah seperti berikut;

Bil	Aktiviti/Program	Tarikh/ Masa	Tempat	Jumlah Peserta
1	Bengkel Pangkalan Data JCR	19 Mei 2014 2.00 petang	Bilik seminar	20
2	Bengkel Metodologi Penyelidikan Pustakawan	8-9 April 2014 8.30 pagi – 4.30 petang	Bilik seminar	20

AKTIVITI PROMOSI DAN PAMERAN YANG DIJALANKAN

Pelbagai aktiviti telah dirancang oleh pihak PTTA bagi menyemarakkan lagi program promosi perpustakaan kepada semua warga universiti. Antara aktiviti yang telah diadakan sepanjang tahun 2014 ialah Program Hari Bersama Pelanggan dan pameran sama ada pameran buku atau pameran berkaitan perkhidmatan dan kemudahan PTTA UTHM serta pengetahuan am bagi menyampaikan mesej penting kepada pengguna dengan cara yang lebih praktikal dan efisien. Objektif utama pelaksanaan

Program Hari Bersama Pelanggan ialah bagi memberi peluang kepada pengguna PTTA UTHM menggunakan perkhidmatan yang disediakan secara lebih cepat dan mudah. Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan kesedaran pengguna dengan mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan terbaru yang disediakan oleh pihak PTTA UTHM. Justeru, hubungan yang lebih mesra antara staf PTTA UTHM dengan pengguna sama ada staf atau pelajar dapat diwujudkan.

Sepanjang tahun 2014, pihak PTTA UTHM telah melaksanakan empat (4) Program Hari Bersama Pelanggan dan enam (6) pameran seperti dalam **Jadual 42** dan **Jadual 43** berikut:

Jadual 43 : Program Bersama Pelanggan Perpustakaan Tunku Tun Aminah

BIL.	LOKASI PROGRAM BERSAMA PELANGGAN	TARIKH
1.	Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	22 Disember 2014
2.	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan	22 Disember 2014
3.	Pusat Pengajian Siswazah	22 Disember 2014
4.	Pusat Pembangunan dan Latihan Akademik	22 Disember 2014

Jadual 44 : Aktiviti Pameran Tahun 2014

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Pameran Buku	24 hingga 26 Februari 2014
2.	Pameran <i>Green Building</i>	24 April 2014
3.	Pameran Buku	6 hingga 8 Mei 2014
4.	Pesta Buku Daerah Batu Pahat	26 hingga 29 September 2014
5.	Pameran Kembara Mahkota Johor 2014 (Bagi Perarakan Town & Gown Sempena Majlis Konvokesyen Ke 14 UTHM)	27 September 2014
6.	Pameran Kenali dan Cintai Khazanah Ilmu : Koleksi Buku Nadir dan Manuskrip Melayu (Sempena Majlis Konvokesyen Ke-14 UTHM)	11 hingga 30 Oktober 2014
7.	Pameran Tokoh-Tokoh Ulama Johor (Sempena Majlis Konvokesyen Ke-14 UTHM)	11 hingga 13 Oktober 2014





PROGRAM KEMASYARAKATAN

Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) UTHM turut terlibat di dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan bagi mengembangkan fungsi dan peranannya sebagai gedung ilmu, yang bukan hanya tertumpu kepada warga kampus malah kepada suatu kelompok yang lebih besar dalam kalangan masyarakat setempat, khususnya golongan yang sedang dahagakan ilmu pengetahuan. Sepanjang tahun 2014,

pihak PTTA UTHM telah menganjurkan beberapa aktiviti berbentuk khidmat nasihat pengurusan dan perkongsian idea serta sumbangan bahan bacaan dengan 'turun padang' ke beberapa lokasi yang terpilih di sekitar daerah Batu Pahat. Maklumat lengkap aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah:

BIL.	NAMA PROGRAM	PENGISIAN PROGRAM
1.	Pengaktifan Keahlian Luar Perpustakaan Tunku Tun Aminah di SMK Bandar Putra Hari : Rabu Tarikh : 29 Januari 2014 Tempat : SMK Bandar Putra, Kulai	<ul style="list-style-type: none"> • Penyampaian Kad Keahlian Luar
2.	Pengaktifan Keahlian Luar Perpustakaan Tunku Tun Aminah di SMK Seri Gading Hari : Rabu Tarikh : 29 Januari 2014 Tempat : SMK Seri Gading, Batu Pahat	<ul style="list-style-type: none"> • Penyampaian Kad Keahlian Luar
3.	Program Jaringan Komuniti Perpustakaan Tunku Tun Aminah di SK Seri Nasib Baik Hari : Sabtu Tarikh : 21 Jun 2014 Tempat : SK Seri Nasib Baik, Batu Pahat	<ul style="list-style-type: none"> • Sumbangan bahan bacaan. • Sumbangan dan pemasangan <i>signage</i> di pusat sumber sekolah. • Program Motivasi Keluarga Asas Kecemerlangan Anak-Anak
4.	Lawatan Kerja Program Khidmat Masyarakat di Hospital Sultanah Nora, Batu Pahat Hari : Selasa Tarikh : 23 Disember 2014 Tempat : Hospital Sultanah Nora, Batu Pahat	<ul style="list-style-type: none"> • Lawatan kerja diadakan untuk meninjau Pusat Sumber sedia ada. • Perbincangan mengenai aktiviti yang sesuai untuk dilaksanakan kelak. • Perbincangan mengenai keperluan yang boleh di sumbangkan oleh pihak Perpustakaan Tunku Tun Aminah

LAWATAN DARIPADA PIHAK LUAR

Sepanjang tahun 2014, pihak PTTA UTHM telah menerima seramai 2,540 orang pelawat dari 80 organisasi dalam dan luar negara seperti jadual yang dilampirkan.

Bil	TARIKH	ORGANISASI / PROGRAM	JUMLAH PELAWAT
1	13 April 2014	PTBB FT Universiti Indonesia	19
2	22 Jun 2014	UNHAS Indonesia	8
3	14 Ogos 2014	Fakulty Of Engineering Walailak Thailand	9
4	21 Ogos 2014	Brawijaya University	19
5	22 Ogos 2014	Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Sutaadmadja Indonesia	110
6	30 September 2014	Lawatan Universiti Karimun Indonesia	30
7	8 Oktober 2014	Lawatan UNIRIKA Batam	13
8	2 Disember 2014	UNS Indonesia	17
9	27 April 2014	Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Puncak Perdana	39
10	27 April 2014	Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Cawangan Johor (Segamat)	5
11	4 Mei 2014	Pelajar Tanpa Asrama Universiti Malaya	20
12	12 Mei 2014	Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute O Industrial (MITEC)	30
13	18 Mei 2014	Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Puncak Perdana	45
14	8 Jun 2014	Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Puncak Perdana	20
15	30 Oktober 2014	Lawatan Akademik The Institution Of Engineers Malaysia- Student Section (IEM-SS)	35
16	30 Oktober 2014	Lawatan Akademik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Jeli	32
17	6 Disember 2014	Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Puncak Perdana	32
18	14 Disember 2014	Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Puncak Perdana	52
19	19 Mac 2014	Universiti Putra Malaysia	35
20	26 Ogos 2014	Lawatan Penandaraan Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia	18
21	7 September 2014	Lawatan dan Jaringan Industri UiTM Shah Alam	21
22	2 Oktober 2014	Lawatan Penandaraan Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM	22
23	25 Februari 2014	Politeknik Merlimau Melaka	30
24	8 Mac 2014	Politeknik Sultan Azlan Shah Perak	42
25	26 Ogos 2014	Politeknik Merlimau	38
26	12 Mei 2014	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam	8
27	27 Mei 2014	Lawatan Penandaraan Politeknik Seberang Prai Pualu Pinang (Alumni FKMP)	8
28	8 April 2014	Kolej Teknologi Alpha nilai Negeri Sembilan	39
29	24 Ogos 2014	Kolej Teknologi Alpha Seremban	33
30	20 Ogos 2014	Lawatan Penandaras Majlis Guru kaunseling	30
31	3 November 2014	Lawatan Ilmiah Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn (IPTHO)	32

Sekitar Lawatan Pengunjung Ke Perpustakaan Tunku Tun Aminah



LAPORAN KEWANGAN



LAPORAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2014


PENDAPATAN MENGURUS

Bagi tahun 2014 jumlah pendapatan mengurus UTHM adalah sebanyak RM329,139,722 berbanding dengan RM292,402,019 pada tahun 2013, peningkatan sebanyak RM36,737,703 (12.6%). Pemberian kerajaan yang diterima adalah sebanyak RM280,857,010 (85.3%) manakala pendapatan yang dijana sendiri oleh UTHM adalah sebanyak RM48,282,712. Yuran pengajian merupakan hasil utama UTHM iaitu sebanyak RM32,221,468 (9.8%), diikuti

oleh pendapatan daripada pelaburan dalam simpanan tetap berjumlah RM12,924,940 (3.9%), pendapatan daripada sewaan dan jualan perkhidmatan sebanyak RM2,192,445 (0.7%) dan pelbagai hasil lain sebanyak RM943,859 (0.3%). Butiran dan peratusan jumlah pendapatan mengurus ini bagi tahun 2014 dan 2013 dapat dilihat dalam Jadual 1 manakala sumber pendapatan mengurus bagi tahun 2014 ditunjukkan dalam Carta 1.

Jadual 44 : Perbandingan Pendapatan Mengurus

Sumber	Tahun 2014		Tahun 2013	
	RM '000	%	RM '000	%
Pemberian Kerajaan	280,857	85.3	249,519	85.3
Yuran Pengajian	32,221	9.8	28,244	9.7
Pendapatan Faedah	12,925	3.9	12,044	4.1
Sewaan, Denda, Jualan Barang dan Perkhidmatan	2,192	0.7	1,558	0.5
Pendapatan Lain	944	0.3	1,037	0.4
Jumlah	329,139	100.0	292,402	100.0




Rajah 14 : Sumber Pendapatan Mengurus 2014



PERBELANJAAN MENGURUS

Jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus UTHM pada tahun 2014 adalah sebanyak RM266,410,533 berbanding dengan RM271,676,227 pada tahun 2013, menurun sebanyak RM5,265,694 (1.9%). Pecahan perbelanjaan adalah disumbangkan oleh pembayaran emolumen sebanyak RM139,138,540 (52.2%), perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM107,913,024 (40.5%), pemberian dan kenaikan bayaran tetap


sebanyak RM6,710,001 (2.5%) dan perbelanjaan lain berjumlah RM12,648,968 (4.8%). Pecahan perbelanjaan mengurus dapat dilihat dalam Carta 2 manakala Jadual 2 pula menunjukkan perbandingan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2014 dan 2013. Perbandingan antara pendapatan dan perbelanjaan mengurus bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2010 sehingga 2014 pula ditunjukkan dalam Carta 3.



Rajah 15 : Pecahan Perbelanjaan Mengurus 2014

Jadual 45 : Perbandingan Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan	Tahun 2014		Tahun 2013	
	RM '000	%	RM '000	%
Emolumen	139,139	52.2	125,549	46.2
Perkhidmatan dan Bekalan	107,913	40.5	120,240	44.3
Pemberian dan Kenaan Tetap	6,710	2.5	8,001	2.9
Perbelanjaan Lain	12,649	4.8	17,886	6.6
Jumlah	266,411	100.0	271,676	100.0



Rajah 16 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2010 - 2014

PENDAPATAN PEMBANGUNAN

Jumlah pendapatan pembangunan UTHM bagi tahun 2014 yang diterima daripada Kerajaan adalah sebanyak RM37,000,000 berbanding RM31,150,000 pada tahun 2013, peningkatan sebanyak RM5,850,000 (18.8%). UTHM juga

telah menerima peruntukan bagi projek MTUN sebanyak RM2,426,200 bagi tahun 2014. Butiran dan peratusan jumlah pendapatan pembangunan bagi tahun 2014 dan 2013 dapat dilihat dalam Jadual 3.

Jadual 46 : Perbandingan Pendapatan Pembangunan

Sumber	Tahun 2014		Tahun 2013	
	RM'000	%	RM'000	%
Geran Pembangunan Kerajaan	39,426	100.0	31,150	87.4
Inisiatif Kewangan Swasta (PFI)	-	-	4,485	12.6
Jumlah	39,426	100.0	35,635	100.0


PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Jumlah perbelanjaan daripada peruntukan pembangunan Kerajaan bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM20,321,047 manakala perbelanjaan daripada Inisiatif Kewangan Swasta (PFI) adalah berjumlah RM1,686,073, menjadikan keseluruhan perbelanjaan pembangunan

sebanyak RM22,007,120. Pecahan perbelanjaan pembangunan mengikut jenis perbelanjaan bagi tahun 2014 dan 2013 adalah seperti di dalam Jadual 4 manakala perbandingan pendapatan dan perbelanjaan pembangunan dari tahun 2010 sehingga 2014 dapat dilihat dalam Carta 4.

**Jadual 47** : Pecahan Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan	Tahun 2014		Tahun 2013	
	RM'000	%	RM'000	%
Tanah	-	-	17,232	40.2
Peralatan	17,583	79.9	9,627	22.5
Infrastruktur	2,738	12.4	9,583	22.4
Bangunan	1,686	7.7	6,420	15.0
Jumlah	22,007	100.0	42,862	100.0

**Rajah 17** : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2010 - 2014

PENYATA KEWANGAN





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang


benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.


Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.



(DATIN PADUKA ONG SWEE LENG)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
28 JUN 2015



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, **TAN SRI (DR.) IR. JAMILUS MD HUSSIN** dan **PROFESSOR DATUK DR. MOHD NOH BIN DALIMIN**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dan KUMPULAN pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

TAN SRI (DR.) IR. JAMILUS MD HUSSIN

Pengerusi

PROFESSOR DATUK DR. MOHD NOH BIN DALIMIN

Naib Canselor

Batu Pahat, Johor

Bertarikh : **24 JUN 2015**

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, **AZIZAH BT NASRI (K/P No: 700827-01-5612)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas,)
di Batu Pahat dalam Negeri Johor)
pada **24 JUN 2015**)



.....
AZIZAH BT NASRI
Menjalankan Tugas Bendahari

Di hadapan saya,



No. 6A, Jalan Timah Sari,
Kg Kenangan Dato Onn,
83000 Batu Pahat, Johor.

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

	NOTA	KUMPULAN		UTHM	
		2014 RM	Dinyatakan Semula 2013 RM	2014 RM	2013 RM
ASET					
Hartanah, Loji & Peralatan	4	927,670,563	925,314,178	919,540,222	918,584,203
Projek Dalam Kemajuan	5	148,837,563	166,451,377	148,837,563	166,451,377
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	6	-	-	2,500,000	2,500,000
Aset cukai tertunda		223,000	266,000	-	-
ASET SEMASA					
Penghutang, Deposit dan Prabayar	7	17,373,866	22,332,886	15,917,215	17,646,466
Deposit di Bank dan Tunai	8	509,858,621	404,885,608	508,382,338	402,161,032
		<u>527,232,487</u>	<u>427,218,494</u>	<u>524,299,553</u>	<u>419,807,498</u>
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang		10,173,034	4,497,786	10,253,367	3,179,507
Pemiutang Pelbagai	9	7,244,760	7,559,802	6,084,390	6,925,329
Pinjaman		930,398	355,241	-	-
Manfaat Pekerja	10	1,143,109	602,215	1,143,109	602,215
Peruntukan Cukai		1,469,164	1,811,137	-	-
		<u>20,960,465</u>	<u>14,826,181</u>	<u>17,480,866</u>	<u>10,707,051</u>
ASET SEMASA BERSIH		<u>506,272,022</u>	<u>412,392,313</u>	<u>506,818,687</u>	<u>409,100,447</u>
		<u>1,583,003,148</u>	<u>1,504,423,868</u>	<u>1,577,696,472</u>	<u>1,496,636,027</u>
DIBIAYAI OLEH:					
Kumpulan Wang Mengurus	11	286,032,595	225,308,143	286,082,595	225,358,143
Kumpulan Wang Pembangunan	12	703,889,249	696,556,417	703,889,249	696,556,417
Kumpulan Wang Tambahan	13	25,658,871	10,635,173	25,658,871	10,635,173
Kumpulan Wang Penyelidikan	14	27,834,344	25,845,031	27,834,344	25,845,031
Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan	15	392,094,162	397,386,467	392,094,162	397,386,467
Tabung dan Akaun Amanah	16	122,761,663	120,998,948	122,761,663	120,998,948
Keuntungan Terkumpul Syarikat Subsidiari	17	1,433,887	4,697,893	-	-
		<u>1,559,704,771</u>	<u>1,481,428,072</u>	<u>1,558,320,884</u>	<u>1,476,780,179</u>
LIABILITI JANGKA PANJANG					
Pinjaman		3,922,789	3,134,648	-	-
Manfaat Pekerja	18	3,880,399	4,002,045	3,880,399	4,002,045
Pendapatan Tertunda	19	15,495,189	15,853,803	15,495,189	15,853,803
Liabiliti Cukai Tertunda		-	5,300	-	-
		<u>1,583,003,148</u>	<u>1,504,423,868</u>	<u>1,577,696,472</u>	<u>1,496,636,027</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	NOTA	KUMPULAN		UTHM	
		2014 RM	Dinyatakan Semula 2013 RM	2014 RM	2013 RM
Pendapatan	20	391,698,643	348,087,488	389,281,905	341,415,355
Tolak:					
Kos perkhidmatan dan perundingan		5,019,337	6,086,585	-	-
Perbelanjaan Operasi		267,183,798	266,555,392	266,900,705	266,189,177
Susutnilai		43,768,212	45,087,560	43,589,693	44,988,560
Jumlah perbelanjaan		315,971,347	317,729,537	310,490,398	311,177,737
Lebih Pendapatan daripada Operasi		75,727,296	30,357,951	78,791,507	30,237,618
Kos Pembiayaan		(232,639)	(223,650)	-	-
Lebih Pendapatan daripada Operasi Sebelum Cukai		75,494,657	30,134,301	78,791,507	30,237,618
Perbelanjaan Cukai		32,844	(95,600)	-	-
LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		75,527,501	30,038,701	78,791,507	30,237,618

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

KUMPULAN

	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Tambahan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan RM	Tabung dan Akaun Amanah RM	Keuntungan Syarikat Subsidiari RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2012	205,138,243	725,659,816	8,835,173	16,878,925	402,904,592	112,717,228	4,846,810	1,476,980,787
Pelarasan Tahun Lepas	224,045	-	-	-	-	-	-	224,045
Seperti Dinyatakan Semula Lebihan Bersih Bagi Tahun, dinyatakan semula Pindahan	205,362,288	725,659,816	8,835,173	16,878,925	402,904,592	112,717,228	4,846,810	1,477,204,833
	20,675,792	200,617	9,311,209	(148,917)	(30,038,701)	(25,815,461)		
	(729,937)	(29,103,399)	1,599,383	(345,103)	(5,518,125)	8,281,720	-	(25,815,461)
Pada 31 Disember 2013, dinyatakan semula	225,308,143	696,556,417	10,635,173	25,845,031	397,386,467	120,998,948	4,697,893	1,481,428,072
Pelarasan Tahun Lepas	83,636	-	-	-	-	-	-	83,636
Seperti Dinyatakan Semula Lebihan Bersih Bagi Tahun Pindahan	225,391,779	696,556,417	10,635,173	25,845,031	397,386,467	120,998,948	4,697,893	1,481,511,708
	62,729,189	13,424,315	2,638,002	(648,689)	(3,264,006)	(75,527,500)		
	(2,088,373)	7,332,832	1,599,383	(5,292,305)	1,762,715	2,665,563	-	
